



**RISALAH
IKHLAS & UKHWAH**

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKEY CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

| | |
|--------------------|--|
| TAJUK | RISALAH IKHLAS DAN UKHUWAH |
| ISBN | 978-967-11140-3-2 |
| KARANGAN | BEDIUZZAMAN SAID NURSI |
| PENTERJEMAH | USTAZ ANWAR FAKHRI OMAR KHAIRUL ANUAR BIN MOHD. NAYAN NASIR ISMAIL |
| SENARAI PENYUNTING | EMRE YASAR |
| CETAKAN PERTAMA | NURULWAHIDAH BINTI FAUZI |
| | 2022 |

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar)
0176626110 (Ali Aydogan) **E-mail :** emreyasar@yahoo.com
 aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan Lengkon-gan Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia.

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

RISALAH IKHLAS & UKHUWAH



Badiuzzaman Said Nursi



Penterjemah

*Ustaz Anwar Fakhri Omar
Khairul Anuar Bin Mohd. Nayan
Nasir Ismail*



Kandungan Buku

| | |
|---|----|
| Prakata | 6 |
| Riwayat Hidup Ringkas Badiuzzaman Said Nursi..... | 8 |
| Kemunculan Risalah an-Nur | 10 |
| Sinaran Kedua Puluh Risalah Ikhlas-1...../..... | 14 |
| Sinaran Kedua Puluh Risalah Risalah Ikhlas-2..... | 40 |
| Satu Surat Yang Khusus Ditujukan Kepada Beberapa Orang Saudaraku..... | 60 |
| Surat Kedua Puluh Dua | 63 |
| Risalah Ukhwah | 63 |

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
 وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
 وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kita merafaqkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan inayah-Nya kerana Risalah Ikhlas dan Ukuwah ini telah selesai dihasilkan. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat terutamanya penterjemah dan penyunting yang telah dengan sukarelanya mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan buku yang bernilai ini.

Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960) ialah seorang ulama Ahli Sunnah wal Jamaah bermazhab as-Syafie yang melalui kehidupan pada akhir zaman pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah dan awal pemerintahan sekular kerajaan Republik Turki. Ulama yang tersohor ini berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam Turki yang ketika itu telah tenggelam dalam lembah kemunduran duniawi dan ukhrawi. Beliau mengambil pendekatan yang menyentuh akal dan roh para pembaca melalui tulisan-

tulisannya yang dinamakan Risalah an-Nur.

Buku ini mengandungi beberapa bahagian daripada bab-bab kecil yang terdapat di dalam beberapa kitab Risalah an-Nur yang disusun semula oleh Ustaz Badizzaman Said Nursi untuk dijadikan satu buku kecil yang menyatukan soal-soal pengukuhan keimanan dan hal-hal yang berkaitan dengan kesepaduannya ibadah dan amal, termasuk yang ada kaitannya dengan kemaslahatan sosio-ekonomi-politik ummat Islam. Saya merasakan bab-bab dalam buku ini mempunyai hubungan yang rapat sekali dan patut dihayati bersama sebagai satu fahaman yang menyeluruh dalam membantu umat Islam kini di Malaysia, khususnya dalam menghadapi berbagai cabaran terutama sekali yang berhubung dengan masalah-masalah penyatuan ummah.

Semoga segala usaha murni seperti ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan oleh masyarakat dengan mendapat keredaan Allah SWT.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zahidi Wan Teh

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampungnya ini. Beliau menerima pendidikan awal dalam pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadis, fiqh, mantik dan sains moden. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab-kitab yang muktabar. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu, perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Seorang ulama terkemuka ketika itu kemudian menggelarnya “Badiuzzaman” atau “Keunggulan Zaman” setelah beliau berjaya mengalahkan beberapa orang ulama lain dalam perbahasan ketika beliau masih berumur 16 tahun.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan

cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu, dunia sedang memasuki satu zaman baharu yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Pada pendapat beliau, “*Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taasub*”. Dalam usaha merealisasikan cita-cita beliau dan impiannya untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, beliau telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul, beliau bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula, beliau bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, “*Kawasan Timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam*” dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana tercetusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk

“Isyaratul I’jaz” dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudian mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan ditegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran iman bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal ini dianggap satu jenayah ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlaknya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, mereka memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelarnya “Said

Jadid” (Said Baharu). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya kepada penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur mengenai iman dan Islam. Baginya, kebenaran iman adalah kebenaran sejagat yang paling penting. Membangkitkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, “Saya akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam.” Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah yang mana sesiapa pun tidak berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami intipati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada umat Islam di Turki ketika itu. Beliaulah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya sendiri. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan dari hati orang ramai dan sehingga kini, maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menu buhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan “Posmen Nur” (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia. Mengandungi lebih daripada 130 risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baharu walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barang yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul “Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)” telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracun sebanyak 19 kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarnya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya, pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisyiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada waktu pagi 23 Mac 1960. Beliau telah kembali ke

rahmatullah dengan penuh kemuliaan dan kemenangan.

Risalah an-Nur adalah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran al-Quran dan Hadis kepada manusia yang disesuaikan dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakan adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam keimanan seperti kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya, kerasulan dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan jelas.

Dalam menjelaskan keadaan yang sebenarnya dari tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur menunjukkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanyalah boleh diperolehi dalam keimanan dan ilmu agama yang benar. Ia juga menunjukkan kekufuran, menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Akhirnya, perkara yang perlu kita lakukan adalah menggembung semula tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

SINARAN KEDUA PULUH RISALAH IKHLAS-1

[Walaupun teks ini pada awalnya telah menjadi perkara pertama dari lima noktah yang membentuk perkara kedua dari tujuh perkara dalam bab Sinaran Ketujuh Belas, ia telah dijadikan bab tersendiri dalam Sinaran Kedua Puluh kerana kepentingannya.]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

**إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينُ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ الدِّينُ الْحَالِصُ**

“Sesungguhnya kami menurunkan kepada mu kitab (*Al-Quran*) dengan membawa kebenaran. Maka sembahlah Allah dengan mengikhlaskan penyembahanmu kepada-Nya. Tidakkah kepunyaan Allah itu agama yang bersih...”
(al-Zumar: ayat 2)

Sabda Nabi Muhammad SAW

**هَلَّكَ النَّاسُ إِلَّا الْعَالَمُونَ وَهَلَّكَ الْعَالَمُونَ إِلَّا الْعَامِلُونَ وَهَلَّكَ
الْعَامِلُونَ إِلَّا الْمُخْلِصُونَ وَالْمُخْلِصُونَ عَلَىٰ خَطَرٍ عَظِيمٍ¹**

1. Lihat, al-‘Ajluni, *Kashf al-Khafa*, ii, 415; al-Ghazali, *Ihya ‘Ulum al-Din*, iii, 414. 1

“Seluruh manusia akan binasa melainkan orang yang berilmu, dan binasalah orang yang berilmu kecuali mereka yang beramal dan yang beramal akan binasa kecuali yang ikhlas, namun mereka yang ikhlas pun berada dalam bahaya yang besar.”

Ayat al-Quran dan hadis di atas menunjukkan betapa pentingnya keikhlasan dalam Islam dan betapa kebesarannya menjadi asas kepada segala urusan agama. Dari beberapa perkara yang berhubung dengan keikhlasan, kami hanya akan menjelaskan lima perkara sahaja.

PERKARA PERTAMA

Terdapat satu persoalan penting dan menghairankan; ketika golongan duniawi dan ahli gaflah (lalai) bahkan ahli dhalalah (sesat) dan ahli nifaq (munafik) dapat bekerjasama tanpa permusuhan dan tidak ada hasad dengki di antara mereka, mengapakah golongan-golongan yang berpegang kepada agama, para ulama dan ahli-ahli tarikat sufi bertelagah dan bermusuhan sesama sendiri, sedangkan sebenarnya mereka adalah golongan hak dan mudah mencapai persetujuan harmoni. Pada hakikatnya persetujuan itu adalah hak orang-orang yang bersaudara dan perbalahan itu adalah untuk mereka yang munafik. Bagaimanakah kebenaran dan kebatilan itu boleh bertukar tempat?

Jawapannya: Kita akan mengemukakan tujuh sebab dari banyak sebab-sebab yang menyakitkan, memalukan dan dahsyat, yang menyebabkan mereka yang menyintai Islam menangis.

Sebab Pertama:

Perselisihan di antara golongan yang benar tidak disebabkan daripada kekurangan kebenaran. Begitu juga kesatuan di kalangan golongan yang lalai tidaklah disebabkan oleh apa-apa kebenaran yang mereka anuti, bahkan ia adalah kerana peranan dan tugas-tugas tertentu yang diberikan kepada beberapa kelas di dalam masyarakat, seperti ahli-ahli dunia², politik, pendidikan dan seumpamanya telah ditentukan dan dibezakan di antara mereka. Begitu juga dengan ganjaran maddi (material) dan maknawi (moral) yang mereka jangkakan disebabkan tugas mereka untuk meneruskan kehidupan, semuanya ini telah ditetapkan dan dibezakan³. Tiada perkara yang sama ke

2. Mereka yang hanya melihat akan kehidupan dunia ini dan tidak melihat akan kehidupan akhiratnya.

3. Ingatan: Perlu diketauhi bahawa perhatian manusia tidak boleh dituntut, tetapi hanya diberikan. Jika ia diberikan, seseorang itu tidak sepatautnya bergembira. Jika seseorang itu bergembira dengannya, keikhlasannya akan hilang dan kemunafikan akan mengambil tempatnya. Perhatian manusia, jika diiringi oleh keinginan untuk penghormatan dan kemasyhuran, bukanlah satu anugerah atau hadiah, tetapi suatu teguran dan hukuman kerana kurangnya keikhlasan. Perhatian manusia, kehormatan dan kemasyhuran seperti itu, mencederakan keikhlasan yang merupakan sumber kekuatan kehidupan untuk semua perbuatan baik, dan walaupun ia memberikan sedikit kesenangan sehingga ke pintu kubur, di sebalik pintu kubur itu ia mengambil bentuk suatu azab seksaan. Oleh itu, kita tidak sepatautnya menginginkan perhatian manusia, tetapi melaikan diri dan menghindar darinya. Berwaspadalah mereka yang menyembah kemasyhuran dan mengejar kehormatan dan pangkat! Tiada suatu pun harus dituntut hasil daripada khidmat keagamaan yang diberikan agar keikhlasan tidak menjadi sia-sia. Meskipun ummat Islam bertanggungjawab untuk menjamin kesempurnaan kehidupan ahli agama dan mereka pun berhak untuk mendapat bahagian daripada harta zakat, namun mereka tidak tergamac untuk meminta-minta sesuatu daripada manusia. Bahkan kadang-kadang ketika diberikan pelbagai jenis hadiah, mereka tidak mengambilnya. Apa yang lebih utama ialah mementingkan golongan yang lebih berhak untuk memperolehinya daripada mementingkan keinginan hawa nafsu sendiri. Apa yang lebih penting juga ialah redha

tahap yang boleh membawa kepada konflik, perselisihan dan permusuhan. Walau bagaimana buruk pun jalan yang dilalui, mereka akan dapat mengekalkan persatuan dan persefahaman.

Tetapi bagi golongan agama, para ulama dan mereka yang mengikuti jalan tarikat sufi, tugas masing-masing adalah melibatkan semua manusia. Ganjaran kebendaan mereka tidak dikhaskan dan ditentukan. Bahagian mereka pada pandangan masyarakat dan penerimaan termasuk perhatian umum tidaklah ditentukan.

Ramai yang layak untuk menempati satu kedudukan yang setaraf. Banyak tangan yang menghulur untuk mendapatkan ganjaran maddi atau maknawi. Oleh itu permusuhan dan hasad dengki akan timbul. Maka muafakat akan bertukar menjadi perbalahan dan persefahaman menjadi perpecahan.

Penyakit yang hebat ini tidak akan dapat dirawat melainkan oleh ubat berkesan yang mengembalikan keikhlasan.

Iaitu dengan seseorang itu berusaha untuk mematuhi arahan ayat al-Quran berikut dengan mementingkan kebenaran serta petunjuk daripada mengikut hawa nafsu, dengan mengutamakan kebenaran daripada keegoan diri:

terhadap pembahagian rezki yang dikurniakan oleh Allah dan berpada dengan apa yang ada agar mendapat pujian Allah SWT seperti di dalam al-Quran sebagaimananya firman-Nya yang bermaksud: “Dan mereka mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat.”- (al-Hasyir: 9). Dalam keadaan ini sahajalah, seseorang telah berjaya memperolehi keikhlasan sejati dan menyelamatkan dirinya daripada kemuasan yang dahsyat.

إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ

“Balasanku hanyalah daripada Allah semata-mata.”
(Yunus: 72)

Begitu juga dengan mematuhi arahan ayat al-Quran berikut dengan tidak mempedulikan upah yang berbentuk material dan maknawi yang datang daripada manusia:⁴

وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ

“Dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata.” (al-Nur: 54)

Dia juga hendaklah menyedari bahawa kesenangan manusia dengan kata-katanya, dan pengaruhnya terhadap mereka yang menyebabkan mereka memberikan perhatian kepadanya adalah perkara-perkara yang dikurniakan oleh Allah berdasarkan kelebihan dan sifat ihsan yang ada pada-Nya semata-mata. Semua itu tidak termasuk dalam bidang tugasnya yang hanya terbatas dalam menyampaikan dakwah sahaja. Dia sama sekali tidak dipertanggung jawabkan untuk memperolehi kelebihan-kelebihan tersebut.

Sesiapa yang berjaya melakukan yang demikian

4. *Sifat al-ithar* (mementingkan orang lain) yang dipraktikkan oleh para sahabat (r.a.) dan menyebabkan mereka mendapat pujian daripada Allah seharusnya dijadikan sebagai guru dan penunjuk jalan kepada kita. Iaitu dengan mengutamakan orang lain daripada diri sendiri ketika menerima hadiah dan sedekah dan tidak menerima sesuatu hasil daripada sebarang khidmat keagamaan yang diberikan, bahkan seseorang itu tidak boleh menuntutnya walau pun hanya di dalam hatinya sahaja. Jika dia tetap menerima sesuatu, maka hendaklah dia menganggapnya sebagai pemberian Ilahi semata-mata agar dia tidak berterusan berada dalam keadaan merasa terhutang budi kepada manusia.

dengan taufiq yang diberikan oleh Allah, maka dia berjaya mengecapi kelazatan keikhlasan. Jika tidak, dia akan kehilangan banyak kebaikan.

Sebab Kedua

Kesepakatan ahli dhalalah lahir daripada kehinaan mereka, sementara perselisihan ahli hidayah lahir daripada kemuliaan dan ketinggian mereka.

Oleh kerana ahli dunia dan ahli dhalalah yang alpa itu tidak bersandar kepada yang hak dan hakikat yang sebenar, maka mereka adalah golongan yang lemah dan hina. Mereka merasa amat perlu untuk mendapatkan kekuatan dan amat berharap untuk memperolehi bantuan orang lain serta melakukan kesepakatan dengan mereka.

Mereka amat berharap untuk mencapai persepakatan tersebut sekalipun jalan yang mereka lalui adalah jalan kesesatan. Mereka berusaha bersungguh-sungguh dan bantu-mebantu atas dasar kebatilan, bahkan mereka ikhlas kerananya. Mereka juga mempamerkan keteguhan pendirian dan ketetapan hati untuk terus berada dalam kekufuran. Mereka melakukan persepakatan dalam keadaan nifaq mereka. Oleh itu, mereka beroleh kejayaan dalam usaha yang mereka lakukan, kerana keikhlasan yang sempurna meskipun dalam perkara kejahatan tidak akan dipersiasiakan, pasti akan mendapat kejayaan. Setiap hamba yang memohon sesuatu daripada Allah dengan penuh keikhlasan, pasti akan diperkenankan permohonannya oleh Allah SWT.⁵

5. Ya, “sesiapa yang menuntut dengan ikhlas” akan mendapatnya. Ini adalah satu undang-undang yang benar. Ruang lingkupnya meliputi keseluruhan

Manakala ahli hidayah, ahli agama, ulama dan ahli tariqat, bersandarkan kepada yang hak dan hakikat. Semasa menjalankan tugas atas dasar kebenaran ini, mereka hanya berharap kepada keredhaan Allah. Mereka merasa tenang dengan-Nya setenang-tenangnya. Mereka juga memperolehi kebanggaan dan kemuliaan yang hakiki ketika menjalankan tugas tersebut. Setiap kali merasa lemah, mereka dengan segera bertimpuh mengharapkan bantuan Allah sahaja, bukan daripada manusia. Mereka memohon kekuatan daripada-Nya semata-mata. Di samping itu, mereka melihat segala jalan yang bersimpang siur di hadapan mereka adalah sesat jika dibandingkan dengan jalan yang sedang dilalui. Oleh itu, anda dapati mereka tidak merasa perlu untuk meminta pertolongan dan bantuan daripada orang lain, bahkan mereka tidak melihat terdapat faedah daripada melakukan persepakatan dengan orang-orang yang berselisih dengan mereka. Mereka juga merasa tidak perlu kepada persepakatan tersebut.

Sesungguhnya, jika terdapat sebarang kedegilan dan keegoan, seseorang akan merasa dirinya betul dan orang lain bersalah. Perselisihan dan permusuhan akan mengambil tempat kerukunan dan kasih sayang. Maka keikhlasan akan hilang sama sekali.

Oleh itu, satu-satunya penyelesaian bagi situasi yang meruncing dan dahsyat ini, mengandungi sembilan perkara berikut:

1. Bertindak dengan sikap yang positif, dengan kecintaan

perkara yang telah dibincangkan.

terhadap caranya sendiri dan menjauhi permusuhan terhadap pandangan orang lain, tidak mengkritik mereka, masuk campur dalam kepercayaan dan ilmu mereka atau mengambil tahu urusan mereka dengan apa cara sekalipun.

2. Bersatu dalam ikatan Islam dengan mengambil kira berbagai-bagai cara yang boleh membawa kepada persefahaman, kasih sayang dan persaudaraan.

3. Berpendirian dengan satu sikap iaitu insaf bahawa seseorang itu boleh dan berhak mengatakan, “*cara saya adalah lebih betul, benar dan lebih bagus*” tanpa dia campur tangan dalam kaedah dan cara orang lain. Tetapi dia tidak boleh mengatakan bahawa “*cara saya sahajalah yang benar*”, kerana dengan berpendapat demikian dia telah menghukumkan cara orang lain adalah batil.

4. Sedar bahawa persepakatan dengan orang-orang yang benar adalah salah satunya jalan untuk memperolehi taufik Ilahi dan punca kemuliaan Islam.

5. Menjaga dan memelihara kebenaran dengan mewujudkan suatu gabungan, iaitu dengan melakukan persepakatan dengan ahli kebenaran bagi menghadapi ahli kesesatan dan kebatilan yang sentiasa melakukan tipudaya dengan penuh helah dalam bentuk gabungan. Ahli kesesatan dan kebatilan dapat melakukan demikian kerana mereka dapat bantu-mebantu dan bersepakat. Mereka juga tahu bahawa setiap penentangan yang dilakukan dari pihak kebenaran secara individu meskipun kuat, akhirnya pasti akan menemui kegagalan ketika berhadapan dengan pihak kesesatan.

6. Demi untuk memelihara yang hak daripada serangan-serangan kebatilan.
7. Meninggalkan kepentingan diri sendiri dan tipu daya nafsu.
8. Meninggalkan konsep yang salah mengenai kemuliaan diri.
9. Meninggalkan perasaan hasad dengki, persaingan dan semua perkara yang merugikan.

Jika kesembilan perkara di atas dipatuhi, keikhlasan akan dapat dipelihara dan manusia dapat melaksanakan fungsinya dengan baik⁶.

Sebab Ketiga

Perselisihan di antara ahli-ahli hak (benar) tidaklah berpunca daripada kekurangan keghairahan dan cita-cita yang tinggi. Begitu juga dengan kesatuan di antara ahli-ahli dhalalah (sesat) bukanlah disebabkan dari kemulian cita-cita mereka. Bahkan perbalahan ahli-ahli hak adalah berpunca daripada salah guna ketinggian cita-cita melampau. Apa yang mendorong ahli-ahli hidayah kepada menyalahgunakan keghairahan mereka yang tinggi dan sehubungan dengan itu kepada perbalahan dan permusuhan

6. Telah dicatatkan dalam hadis-hadis Nabi yang sahih bahawa pada akhir zaman orang-orang yang soleh di kalangan orang-orang Kristian akan bersatu dengan umat al-Quran dan memerangi musuh bersama mereka, iaitu orang-orang atheis. Dan pada masa ini juga, umat Islam dan hak perlu bersatu dengan ikhlas bukan hanya dengan saudara-saudara mereka yang beriman, tetapi juga dengan saudara-saudara mereka yang baik dan dari kalangan orang-orang Kristian, dengan mengelakkan perbincangan dan perdebatan mengenai perbezaan mereka untuk memerangi musuh bersama iaitu ateisme yang agresif.

adalah keinginan ekstrim kepada anugerah alam akhirat yang pada dasarnya dianggap sebagai sifat yang terpuji. Dengan memikirkan di dalam diri, “*Biarlah aku yang mendapat ganjaran ini, biarlah aku yang membimbang orang-orang ini, biarlah mereka mendengar dari aku,*” dia mengambil sikap permusuhan terhadap saudaranya sebenar yang berhadapan dengannya. Padahal saudaranya itu berhajat kepada kasih sayang, bantuan dan persaudaraannya. Lalu dia berkata kepada dirinya, “*Mengapakah murid-muridku pergi kepadanya? Mengapakah aku tidak mendapat murid-murid yang seramainya*”, lalu jatuh ke lembah egoisme, cenderung kepada penyakit cita-cita yang kronik, hilang semua keikhlasan dan terbukalah pintu kemunafikan baginya.

Rawatan untuk kesalahan, luka dan sakit rohani yang dahsyat ini ialah dengan prinsip bahawa “*Keredhaan Allah SWT akan tercapai hanya dengan keikhlasan*”, bukanlah dengan ramainya pengikut atau kejayaan yang besar. Sesungguhnya perkara yang akhir ini adalah berkait dengan keizinan Allah, ia tidak boleh dipohon, walaupun kadangkala diberikan. Kadangkala satu perkataan sahaja akan memberikan hidayah kepada seseorang dan seterusnya keredhaan Tuhan. Pengikut yang ramai tidak sepatutnya mendapat perhatian sangat kerana kadangkala membimbang seorang ke jalan yang benar boleh mendatangkan keredhaan Tuhan seperti membimbang seribu orang. Lagipun keikhlasan dan sikap berpegang kepada yang hak memerlukan seseorang itu menginginkan orang-orang Islam dapat mengambil manfaat dari sesiapapun dan di sebarang tempat yang mereka mampu. Dengan berfikir,

“Biarlah mereka mengambil pelajaran dari aku supaya aku dapat pahala”, adalah tipu daya nafsu dan ego.

Wahai manusia yang tamak dengan pahala akhirat dan pencapaian amal-amal yang melayakkan kamu kepadanya! Terdapat setengah nabi yang hanya mempunyai pengikut yang kecil tetapi menerima pahala yang tidak terhingga dari tugas kenabiannya yang suci itu. Kejayaan yang sebenarnya terletak bukan dengan memperolehi pengikut yang ramai tetapi dengan mendapat keredhaan Ilahi. Fikirkanlah, siapakah saudara apabila berkata, *“Biarlah setiap orang mendengar daripada saya,”* dengan itu bukankah saudara terlupa akan tanggungjawab saudara dan mencampuri hal yang secara tegasnya adalah hak Allah? Penerimaan orang terhadap saudara dan untuk mendapatkan orang berhimpun di sekeliling saudara adalah hak Allah. Oleh itu, lihatlah hanya akan tugas dan urusan saudara dan jangan mencampuri hak Allah.

Lagipun, bukan sahaja manusia yang memperolehi pahala dari mereka yang mendengar dan bercakap perkara-perkara yang hak. Makhluk-makhluk Tuhan yang mempunyai perasaan, yang mempunyai roh dan malaikat-malaikat-Nya yang memenuhi alam semesta dan menghiasi seluruh pelusuk bahagiannya turut mendengar. Jika saudara mengkehendaki pahala yang banyak, ambillah keikhlasan sebagai asas dan hanya memikirkan keredhaan Allah. Kemudian setiap suku kata dari perkataan yang dirahmati yang dikeluarkan dari mulut saudara akan dihidupkan kembali dengan keikhlasan dan niat yang hakiki dan masuki telinga ramai makhluk-makhluk yang mempunyai

perasaan, menerangi mereka dan menghasilkan pahala kepada saudara. Contohnya bila saudara berkata, “*Segala pujian dan kesyukuran kepada Tuhan,*” berjuta perkataan-perkataan ini, kecil dan besar telah ditulis atas permukaan udara dengan kehendak Ilahi. Oleh kerana Pengukir Yang Maha Bijaksana tidak membuat sebarang perkara yang membazir atau sia-sia, Dia telah mencipta telinga-telinga yang tak terhingga banyaknya, sebanyak yang diperlukan untuk mendengar perkataan-perkataan yang dirahmati itu. Jika perkataan-perkataan itu dihidupkan di udara melalui keikhlasan dan niat yang benar, ianya akan memasuki telinga makhluk-makhluk Tuhan yang mempunyai roh seperti rasanya buah-buahan yang lazat di dalam mulut. Tetapi jika perkataan-perkataan itu tidak dihidupkan melalui keredhaan Ilahi, ianya tidak akan didengar, dan pahala akan hanya diperolehi oleh satu sebutan yang dilakukan oleh mulut. Berilah perhatian yang betul-betul kepada perkara ini, wahai qari dan qariah yang berasa sedih disebabkan suara-suara mereka tidak dirasakan merdu dan tidak ramai orang yang mendengar!

Sebab Keempat

Adalah sama, bahawa permusuhan dan perselisihan di antara ahli-ahli hidayah tidak disebabkan oleh kegagalan untuk menjangka akibat-akibat dari apa yang akan terjadi atau dari pandangan yang singkat. Begitu juga persefahaman yang bersungguh-sungguh hati di antara ahli-ahli dhalalah adalah tidak dihasilkan dari pandangan yang jauh atau kemuliaan dalam visi mereka. Lebih tepatnya, ia adalah kerana ahli-ahli hidayah melalui pengaruh yang hak dan

hakikat, tidak tunduk kepada emosi yang buta dari nafsu, sebaliknya mengikut pandangan yang jauh dari hati dan akal. Oleh kerana mereka gagal untuk memelihara istiqamah dan keikhlasan pada arah yang dituju, mereka tidak berupaya mengekalkan kedudukan yang tinggi dan jatuh ke dalam perselisihan. Bagi ahli-ahli dhalalah, di bawah pengaruh nafsu, dari tanggapan perasaan yang buta kepada kesemua akibat dan selalunya mengutamakan satu “gram” manfaat yang singkat dari satu “tan” kebahagian yang mendatang, mereka akan berhimpun dengan keinginan yang bersungguh-sungguh untuk bersatu demi untuk faedah dan keseronokan yang singkat. Sesungguhnya, penyembah-penyembah nafsu dan buta hati tidak dapat tidak akan berkumpul dalam hal manfaat dan keseronokan dunia yang singkat dengan kelebihan-kelebihannya. Adalah benar bahawa ahli-ahli hidayah telah menumpukan pandangan mereka terhadap pahala akhirat dengan kesempurnaan mengikut arahan-arahan yang mulia dari hati dan akal. Akan tetapi, walaupun melalui tujuan yang betul, keikhlasan yang sempurna dan pengorbanan diri yang melahirkan persatuan dan ikatan adalah sesuatu yang boleh dicapai. Disebabkan mereka telah gagal untuk menghapuskan sifat takbur dan riak dari dalam diri mereka dan terlalu berlebihan dengannya, mereka hilang punca persaudaraan, kekuatan yang mulia dan membiarkan keikhlasan mereka dimusnahkan. Tanggungjawab mereka terhadap hari akhirat pun dicederakan. Sesungguhnya, keredhaan Tuhan bukanlah boleh diperolehi dengan mudah.

Rawatan kepada penyakit yang serius ini adalah dengan mempunyai perasaan bangga dalam kumpulan ahli-ahli hak, mengikut prinsip berkasih sayang kerana Allah dengan

bersikap ingin menjadi pengikut dan menangguhkah kepimpinan untuk mereka; dan dengan memikirkan sesiapa sahaja yang berusaha menuju ke jalan yang hak adalah lebih baik dari dirinya, dengan ini memecahkan takburnya dan mendapatkan semula keikhlasan. Penyelamat dari penyakit ini boleh juga diubati dengan mengetahui bahawa satu “gram” amal yang dilakukan dengan keikhlasan adalah lebih utama dari satu “tan” amal yang dilakukan tanpa keikhlasan, dan dengan mengutamakan kedudukan sebagai pengikut dari menjadi pemimpin dengan mengetahui kesemua bahaya-bahaya dan tanggungjawab yang melibatkan seorang pemimpin. Dengan ini keikhlasan boleh dicapai dan tanggungjawab seseorang menyediakan dirinya ke alam akhirat dapat dilakukan dengan betul.

Sebab Kelima

Perselisihan dan tidak persetujuan di antara ahli-ahli hidayah bukanlah hasil dari kelemahan dan persatuan yang kuat ahli-ahli dhalalah. Malahan kurangnya persatuan di antara orang-orang yang mendapat petunjuk datangnya dari kekuatan yang dihasilkan dari sokongan yang diberikan oleh keimanan yang tulin. Di sebaliknya persatuan di antara ahli-ahli ghaflah (lalai) dan ahli-ahli dhalalah (sesat) datang dari kelemahan dan kedaifan yang mereka hadapi dari kekurangan sokongan dari dalam diri mereka sendiri. Orang-orang yang lemah mengadakan persatuan yang kuat secara tepatnya disebabkan keperluan mereka terhadap persatuan⁷. Oleh kerana orang-orang yang kuat tidak

7. Antara organisasi yang paling kuat dan berkesan di Barat ialah Pertubuhan Hak Asasi dan Kebebasan Wanita di Amerika Syarikat, walaupun wanita dise-

merasakan keperluan yang sama, persatuan mereka adalah lemah. Singa tidak memerlukan persatuan seperti musang dan dengan itu hidup bersendirian, sebaliknya kambing membuat perkumpulan untuk menyelamatkan diri mereka dari serigala.

Kumpulan dan keperibadian kolektif dari yang lemah adalah kekuatan di sebaliknya kumpulan dan keperibadian kolektif dari yang kuat adalah lemah. Terdapat kiasan yang halus berhubung dengan perkara ini di dalam al-Quran, dalam firman: *وَقَالَ نِسْوَةٌ فِي الْمَدِينَةِ* “*dan wanita di dalam bandar itu berkata;* (Yusuf: ayat 30)”, di mana perkataan “*berkata*” adalah di dalam bentuk maskulin. Walaupun ia sepatutnya feminin disebabkan dua perkara. Wanita adalah kata nama feminin dan suatu bentuk jamak dalam Bahasa Arab selalunya dianggap sebagai feminin. Tetapi dalam keadaan berlawanan lihatlah ayat *قَالَتِ اُلَّا غَرَبَ* “*Orang-orang Arab padang pasir berkata;* (al-Hujurat: ayat 14)” di mana perkataan perbuatan *قَالَتِ* “*berkata*” di sini adalah dalam feminin walaupun subjek dalam ayat ini ada satu kumpulan lelaki. Di sinilah terletak satu petunjuk bahawa persatuan orang-orang yang lemah dan wanita yang lembut memperolehi tenaga ketahanan dan kekuatan sehingga memperolehi sesuatu bentuk sifat kelelakian. Penggunaan perkataan maskulin *فَان* dari kata perbuatan dalam al-Quran itu adalah paling sesuai. Lelaki-lelaki yang kuat di sebaliknya dan khususnya orang-orang Arab Beduain,

but sebagai mereka dari kalangan yang sederhana dan lemah. Begitu juga dengan organisasi orang-orang Armenia, walaupun mereka lemah dan jumlahnya sedikit berbanding dengan orang lain, dengan tingkah laku yang kuat dan pengorbanan diri, memberikan bukti dalam pemerhatian kita ini.

bergantung kepada kekuatan diri mereka sendiri. Persatuan mereka adalah lemah, kerana mereka mengambil pendirian yang lembut dan berhati-hati dengan itu menghasilkan sikap kewanitaan, di mana penggunaan perkataan feminin ﴿فَالْتَّ﴾ dalam kata perbuatan itu adalah bersesuaian sekali. Begitulah juga dengan orang-orang yang mendapat hidayah yang hanya tunduk dan menyerahkan usaha mereka kepada sokongan yang dihasilkan dari keimanan yang kukuh kepada Tuhan. Jadi, mereka tidak menunjukkan keperluan atau memohon pertolongan dan bimbingan dari orang-orang lain. Jika mereka berbuat demikian, kadangkala mereka tidak akan mengikut orang-orang yang berkenaan langsung. Tetapi golongan-golongan duniawi, jika meninggalkan hal-hal duniawi yang menjadi punca kepada pertolongan mereka yang sebenar, akan jatuh ke dalam kelemahan dan kedaifan lalu merasa keperluan yang amat sangat kepada pertolongan dan persatuan, akan melakukan pengorbanan diri dengan hati yang bersungguh-sungguh.

Ahli-ahli hidayah tidak mengiktiraf dan mencari kekuatan yang sebenarnya yang boleh didapati dari persatuan. Dengan ini mereka jatuh ke dalam perbalahan disebabkan kejahatan dan akibat-akibat yang buruk dari kegagalan ini. Di sebaliknya, ahli-ahli dhalalah dan bathil menganggap kekuatan mereka boleh didapati dari persatuan, dengan kelemahan mereka yang sedia ada akan memilih persatuan yang menjadi sebab utama kepada pencapaian semua cita-cita.

Rawatan dan ubat bagi penyakit yang menjadi perbalahan di antara orang- orang yang mendapat hidayah ini ialah

dengan menjadikan larangan dari Yang Maha Esa sebagai undang-undang pada tingkah laku seseorang seperti yang terkandung dalam ayat:

وَلَا تَنَازَّ عُوْا فَتَقْشِلُوا وَتَدْهَبَ رِيْحُكُمْ

“*Janganlah kamu bersengketa, nescaya kamu akan gagal dan kekuatan akan hilang.*” (al-Anfal : 46)

dan arahan bijaksana Allah Yang Maha Esa dalam kehidupan sosial yang terkandung dalam ayat :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقْوَى

“*Bertolong-tolonglah kamu di dalam kebajikan dan taqwa.*”(Surah al-Maidah: 2)

Mereka mestilah selanjutnya insaf betapa bahayanya kepada Islam perbalahan dan bagaimana ia boleh menolong orang-orang yang sesat berjaya ke atas orang-orang yang diberi hidayah. Kemudian, mereka sepatutnya dengan bersungguh-sungguh hati dan dengan pengorbanan mengikuti gerabak sebenar ahli-ahli hidayah dengan merasai kelemahan dan kedaifan diri. Akhirnya, saudara janganlah mementingkan diri sendiri, tinggalkan sifat munafik serta berpura-pura dan berpeganglah dengan kuatnya kepada keikhlasan.

Sebab Keenam

Perselisihan di antara ahli-ahli hak tidak timbul dari kurangnya kelelakian, aspirasi dan semangat; sama juga halnya, penyatuan sepenuh hati di antara ahli-ahli dhalalah, ahli-ahli gaflah dan ahli-ahli dunia berhubung dengan

urusan dunia tidaklah terhasil dari kelelakian, cita-cita dan semangat mereka. Sebaliknya ahli-ahli hak umumnya hanya prihatin dengan faedah yang akan diperolehi di akhirat dan dengan itu mengarahkan semangat, cita-cita dan kejujuran terhadap perkara-perkara lain yang penting dan banyak. Oleh kerana mereka tidak meluangkan masa, yang merupakan modal sebenar manusia untuk sesuatu keperhatinan yang khusus, kesatuan mereka dengan rakan-rakan mereka tidak dapat menjadi kukuh. Keprihatinan mereka banyak dan melibatkan skop yang luas. Bagi ahli-ahli duniawi yang sesat dan lalai pula, mereka hanya memikirkan kehidupan di dunia ini, dan dengan kuat memeluk keprihatinan kehidupan dunia ini dengan seluruh pancaindera, hati dan roh, dan berpaut teguh pada sesiapa sahaja yang menolong mereka dalam hal-ehwal mereka. Seperti peniaga berlian Yahudi yang gila, yang memberikan harga yang sangat tinggi untuk sekeping kaca yang hampir tidak bernilai, dengan menumpukan masa yang bernilai tinggi untuk perkara-perkara yang sebenarnya dan pada pandangan ahli hak tidak bernilai. Membayar harga yang tinggi dan melibatkan diri dengan pengabdian seluruh pancaindera secara semula jadi tentulah akan menghasilkan keikhlasan sepenuh hati yang matijahkan kejayaan dalam perkara- perkara yang dihadapi, sehingga ahli-ahli hak dikalahkan. Akibat kekalahan ini, ahli-ahli hak jatuh ke tahap yang rendah, penghinaan, kemunafikan dan kecurangan, dan keikhlasan mereka akan hilang. Oleh itu ahli-ahli hak terpaksa menyanjung dan merasa rendah diri di hadapan segelintir orang-orang yang keji dan hina di dunia ini.

Wahai ahli-ahli hak! Wahai ahli-ahli syariah, ahli-ahli hakikat dan ahli-ahli tarekat yang semuanya yang menyembah Tuhan! Dalam menghadapi penyakit perselisihan yang luar biasa ini, abaikanlah kesalahan sesama sendiri, tutuplah mata di atas kekurangan di antara satu sama lain! Berkelakuanlah mengikut adab peraturan yang ditetapkan oleh kriteria yang ada di dalam ayat:

وَإِذَا مَرُوا بِاللَّغْوِ مَرُوا كَرَامًا

“Ketika mereka melewati kesalahan, mereka melewatin-ya dengan penghindaran terhormat.” (al-Furqan: ayat 72)

Anggaplah ini sebagai adab utama anda – di mana bergantungnya kedudukan anda di akhirat dengan meninggalkan perpecahan dalaman apabila diserang oleh musuh dari luar, dan dengan demikian membebaskan ahli-ahli hak dari kerendahan dan penghinaan! Amalkan persaudaraan, kasih sayang dan kerjasama yang dilakukan secara berterusan oleh ratusan anjuran ayat al-Quran dan hadis Nabi (SAW)! Bentukkanlah dengan segala kuasa anda persatuan dengan kenalan dan saudara anda dalam agama yang lebih kuat daripada penyatuan ahli-ahli duniawi! Janganlah jatuh ke dalam pertikaian! Jangan katakan kepada diri sendiri, “*Daripada menghabiskan masa berharga saya untuk perkara-perkara kecil itu, biarkanlah saya menggunakan untuk perkara-perkara yang lebih berharga seperti berzikir, bermunajat dan bertafakkur kepada Allah*”; kemudian menarik diri dari persatuan dan melemahkan perpaduan.

Apa yang anda bayangkan sebagai perkara yang kecil

kepentingannya dalam jihad maknawi ini, mungkin sebenarnya merupakan suatu yang sangat besar kepentingannya.

Dengan cara yang sama bahawa dalam keadaan tertentu yang penting, jam tangan yang dikawal untuk satu jam oleh seorang askar mungkin bersamaan dengan ibadat sepanjang tahun pada zaman ini, ketika ahli-ahli hak telah dikalahkan. Hari-hari yang berharga yang anda habiskan untuk beberapa perkara yang dianggap kecil berhubung perjuangan maknawi mungkin bernilai seribu hari, seperti nilainya jam askar tadi.

Apa sahaja yang dilakukan demi Allah tidak boleh dibahagikan sebagai kecil dan besar, berharga dan tidak bernilai. Sebuah atom yang dibelanjakan dengan ikhlas demi keredhaan Ilahi akan menjadikannya seperti bintang. Yang penting bukan cara yang digunakan, tetapi natijahnya. Selagi natijahnya adalah untuk keredhaan Ilahi dan berpaksikan keikhlasan, segala kaedah yang digunakan untuk mendapatkannya akan mendapat nilai yang besar, bukannya kecil.

Sebab Ketujuh

Perselisihan dan permusuhan di antara ahli-ahli hak tidaklah timbul dari rasa cemburu dan ketamakan duniaawi, dan sebaliknya kesatuan di antara ahli-ahli duniaawi dan lalai bukanlah timbul dari kemurahan dan kemulian hati. Sebaliknya ahli-ahli hakikat tidak mampu untuk mengekalkan sepenuhnya kemurahan hati dan aspirasi tinggi yang timbul dari perkara-perkara yang hak, atau

tindakan-tindakan yang terpuji dalam persaingan yang ujud di jalan Ilahi. Dengan penyusupan dari perkara-perkara yang tidak sepatutnya, mereka telah menyalahgunakan sebahagian bentuk persaingan yang terpuji itu dan jatuh ke dalam perselisihan dan permusuhan, menyebabkan kecederaan besar kepada diri mereka dan masyarakat Islam. Bagi ahli-ahli *gaflah* (lalai) dan *dhalalah* (sesat), agar tidak kehilangan manfaat yang sementara yang mereka tergila-gila dengannya dan tidak mahu menyinggung perasaan pemimpin dan rakan-rakan yang mereka sembah demi keuntungan. Dalam kerendahan, penghinaan dan kekurangan kelakian mereka itu, mereka amalkan kesatuan dengan segala kosnya dengan rakan-rakan mereka, walau bagaimanapun keji, pengkhianat dan merbahaya rakan-rakan mereka itu, dan dengan sepenuh hati bersetuju dengan rakan-rakan mereka dalam bentuk apa pun yang ditentukan oleh kepentingan mereka bersama. Hasil dari kerjasama sepenuh hati ini, mereka memang mendapat faedah-faedah yang diinginkan.

Maka wahai ahli-ahli hak yang berhadapan dengan perbalahan dan ditimpa bencana! Melalui kehilangan keikhlasan dan kegagalan anda untuk menjadikan reda Ilahi sebagai satu-satunya tujuan di zaman bencana ini, anda telah menyebabkan ahli- ahli hakikat mengalami kehinaan dan kekalahan. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama dan akhirat seharusnya tidak ada persaingan, dendki atau cemburu. Sesungguhnya tidak ada di dalamnya kebenaran. Sebab adanya iri hati dan cemburu adalah apabila ada beberapa tangan menjangkau satu objek yang sama, apabila beberapa mata tertumpu pada satu kedudukan, ketika

beberapa perut sedang merasa lapar di hadapan sepotong roti, dengan ini, rasa iri hati akan pertama kalinya timbul akibat konflik, perselisihan dan persaingan, dan seterusnya cemburu. Oleh kerana ramai orang menginginkan benda yang sama di dunia ini, dan kerana keadaan dunia yang sempit dan sementara, ia tidak dapat memuaskan keinginan manusia yang tidak terbatas itu, maka mereka menjadi musuh di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, di akhirat nanti, syurga selama lima ratus tahun akan diberikan kepada seorang individu; tujuh puluh ribu istana dan bidadari akan diberikan kepadanya; dan setiap orang di dalam Syurga akan merasa puas sepenuhnya dengan bahagiannya⁸. Oleh itu, jelas bahawa tidak ada sebab akan

-
8. **Soalan penting yang diajukan oleh orang yang terkenal:** Menurut tradisi lima ratus tahun syurga akan diberikan kepada semua orang di Syurga. Bagaimana kecerdasan akal dunia dapat memahami kebenaran ini?

Jawapannya: Di dunia ini setiap orang mempunyai dunia peribadinya dan dunia sementaranya yang terhad seluas dunia ini, tonggaknya adalah kehidupnya. Dia memanfaatkan dunianya melalui panceina deria dalaman dan luarannya. Dia berkata kepada dirinya sendiri, “*Matahari adalah pelita saya, bintang-bintang adalah lilin saya.*” Kewujudan makhluk lain dan makhluk bernyawa sama sekali tidak menolak hak miliknya; sebaliknya, mereka mencerahkan dan menerangi dunianya. Dengan cara yang sama, walaupun berada di dataran yang jauh lebih tinggi, selain taman masing-masing bagi mereka yang beriman yang berisi ribuan istana dan bidadari, terdapat syurga peribadi lima ratus tahun untuk semua orang, selain dari syurga umum. Dia akan mendapat keuntungan dari syurga yang berkekalan miliknya melalui deria dan perasaannya, mengikut tahap perkembangan yang telah dicapainya. Hakikat bahawa orang lain berkongsi dalam syurga yang umum yang sama, sama sekali tidak mencederakan milik atau ganjarannya, tetapi sebaliknya menguatkannya, dan menghiasi syurga yang luas. Manusia di dunia ini mendapat faedah dari kebun yang dilawati selama satu jam, tontonan yang menakjubkan yang berlangsung selama sehari, negara yang didiaminya selama sebulan dan perjalanan yang berlangsung selama setahun, dengan mulut, telinganya, matanya, rasa dan semua deria yang lain. Begitu juga, di alam yang kekal abadi, deria bau dan sentuhanannya, yang di dunia sementara ini hampir tidak mendapat keuntungan dari kebun yang dilawati selama satu jam, akan mendapat keuntungan seolah-olah dari kebun

persaingan di akhirat, dan juga tidak akan ada persaingan di sana. Sekiranya demikian, tidak perlunya ada persaingan berhubungan dengan amalan soleh yang menatijahkan pahala di akhirat; tidak ada ruang untuk cemburu di sini. Yang cemburu di sini adalah sama ada munafik, mencari hasil dunia melalui prestasi amalan baik, atau si ikhlas tetapi penyembah yang jahil, tidak mengetahui tujuan sebenar amalan baik dan tidak memahami bahawa keikhlasan adalah roh dan asas dari semua amalan baik. Dengan memupuk semacam perbalahan dan permusuhan terhadap auliya-auliya (orang-orang yang dikasihi) Allah, dia sebenarnya sedang meragui betapa luasnya kasih sayang Ilahi.

Satu peristiwa yang menyokong kebenaran ini: Salah seorang bekas sahabat saya mempunyai permusuhan yang telah dipupuk terhadap seseorang. Ketika amal soleh dan kewalian musuhnya itu dikagumi di hadapannya, dia tidak cemburu atau marah. Kemudian, apabila dikatakan kepadanya, “*Musuhmu itu berani dan kuat.*” Kami melihat urat rasa cemburu dan permusuhan tiba-tiba muncul pada lelaki itu.

Kami berkata kepadanya: “*Kewalian dan amal soleh adalah kekuasaan dan kemuliaan seumpama intan permata*

yang dilawatinya selama setahun. Rasa penglihatan dan pendengaran yang di sini hampir tidak mendapat keuntungan dari lawatan yang berlangsung selama setahun, akan mendapat manfaat daripada lawatan lima ratus tahun dengan cara yang sesuai dengan alam yang kekal abadi itu, dihiasi dari hujung ke hujung. Setiap orang yang beriman akan mendapat keuntungan sesuai dengan peringkat rohani, dan keuntungan, kegembiraan dan kesenangan melalui pancaindernya yang akan berkembang sehubungan dengan pahala yang dimilikinya di dunia ini dan perbuatan baik yang telah dilakukannya.

untuk hidup kekal abadi, namun kamu tidak cemburu padanya. Walaupun, kekuasaan duniawi dapat dijumpai pada lembu jantan, dan keberanian pada binatang buas; jika dibandingkan dengan kewalian dan amal soleh, haiwan-haiwan ini adalah umpama sekeping kaca jika dibandingkan dengan intan permata.”

Lelaki itu menjawab: “*Kami berdua telah memusatkan perhatian kami terhadap dunia ini pada satu objek. Langkah-langkah yang membawa kepadanya diberikan oleh perkara-perkara seperti keberanian dan kekuatan. Atas sebab inilah saya cemburu kepadanya. Objek dan tempat-tempat di akhirat adalah tidak terhad bilangannya. Walaupun dia adalah musuh saya di sini, di sana dia boleh menjadi saudara saya yang tersayang dan intim.*”

Wahai ahli-ahli hakikat dan tarekat! Perkhidmatan untuk perkara-perkara hak adalah seperti membawa dan memelihara harta yang besar dan berat. Mereka yang memikul amanah itu di bahu mereka akan gembira dan bersyukur setiap kali tangan-tangan yang kuat membantu mereka. Jauh dari menjadi cemburu, seseorang harus dengan bangga memuji kekuatan, keberkesanan dan kemampuan dari mereka yang mempunyai cinta sejati tampil untuk menghulurkan bantuan. Mengapakah melihat saudaramu yang sebenarnya dan pembantu-pembantu yang sanggup mengorbankan diri dalam suasana permusuhan, dengan itu keikhlasanmu akan hilang? Anda akan terdedah kepada tuduhan-tuduhan yang menakutkan dari mata ahli-ahli dhalalah, seperti mengejar kepentingan duniawi melalui agama, dengan menjana pendapatan dari ilmu-ilmu hakikat

dan bersaing terhadap orang lain dengan keserakahan dan ketamakan walaupun ia adalah sesuatu yang seratus kali lebih rendah daripada kedudukan dan keimanan anda.

Satu-satunya ubat untuk penyakit ini adalah dengan menuduh diri anda sendiri sebelum orang lain membangkitkan tuduhan-tuduhan mereka, dan sentiasa memihak kepada rakan anda, bukan diri anda sendiri. Adab yang benar dan keadilan yang dibentuk oleh para sarjana seni perbahasan adalah: “Sesiapa pun yang berhasrat dalam perbahasan mengenai apa-apa perkara bahawa kata-katanya sendiri yang sepatutnya menjadi benar, bergembira bahawa dia ternyata benar dan musuhnya menjadi salah dan tersilap, maka orang seperti itu telah bertindak tidak adil.” Bukan hanya itu, orang seperti itu kalah, kerana ketika dia muncul sebagai pemenang dalam perbahasannya itu, dia tidak akan belajar apa-apa sebelumnya yang tidak diketahui olehnya, dan kemungkinan kebanggaannya akan menyebabkan dia mengalami kekalahan. Tetapi jika lawannya menjadi betul, dia akan mengetahui sesuatu yang sebelumnya tidak diketahui olehnya dan dengan itu memperoleh sesuatu tanpa kerugian, dan juga diselamatkan dari kebanggaan. Dengan kata lain, sesiapa yang adil dalam urusannya dan cenderung akan yang hak akan menundukkan keinginan jiwanya sendiri untuk menuntut apa yang hak. Sekiranya dia melihat lawannya betul, dia akan menerima dengan rela hati dan menyokongnya dengan senang hati. Berikutnya ahli-ahli agama, ahli-ahli hak, ahli-ahli tarekat, dan ahli-ahli ilmu mengambil prinsip ini sebagai panduan mereka, mereka akan mencapai keikhlasan, dan akan mendapat kejayaan dalam tugas-tugas yang mempersiapkan mereka untuk

akhirat. Melalui rahmat Ilahi, mereka akan dibebaskan dari kesengsaraan dan musibah yang mengerikan ini yang dengannya kini mereka sedang menderita. Maha Suci Engkau! Kami tidak mempunyai pengetahuan melainkan apa yang telah Engkau ajarkan;

سُبْحَانَكَ لَا إِلَمْ لَنَا إِلَّا مَا عَلَمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui, Maha Bijaksana. (al-Baqarah:ayat 32)

SINARAN KEDUA PULUH SATU RISALAH IKHLAS-2

[Walaupun pada asalnya ia adalah Perkara Keempat daripada Perkara-perkara Ketujuh dalam Noktah Ketujuh Belas dalam Lamaat Ketujuh Belas daripada Kitab al- Lamaat, oleh kerana mempunyai hubungan dengan keikhlasan, ia menjadi Faktor Kedua dalam Lamaat Kedua Puluh. Akhirnya, kerana sifatnya yang bersinar, ia telah dimasukkan sebagai Lamaat Kedua Puluh Satu.]

Lamaat in hendaklah dibaca sekurang-kurangnya sekali setiap lima belas hari

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

وَلَا تَنَازَّ عُوا فَتَقْشِلُوا وَتَدْهَبَ رِيْحُكُمْ

“Janganlah kamu berbantah-bantahan yang menyebabkan kamu menjadi ketar dan hilang kekuatanmu”(al-Anfal: Ayat 46)

وَقَوْمُوا اللَّهِ قَانِتِينَ

“ Berdirilah kerana Allah di dalam solatmu dengan khusyuk” (al-Baqarah: ayat 238)

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ رَكِّبَهَا - وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّيْهَا

“Beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya”(Ash-Shams: Ayat 9-10)

وَلَا تُشْتَرُوا بِأَيَّاتِي نَمَّا قَلِيلًا

“Dan janganlah menukarkan ayat-ayatku dengan harga yang rendah.”(al-Baqarah: ayat 41)

PENTINGNYA KEIKHLASAN

Wahai saudara-saudara akhiratku, wahai teman-teman yang mengabdikan diri kepada al-Quran! Kalian sepatutnya tahu dan sebetulnya memang mengetahui bahawa ikhlas adalah amalan paling penting di dunia ini apalagi amal untuk akhirat. Ikhlas merupakan kekuatan paling besar, pemudahcara paling diterima, sokongan paling mantap, jalan paling singkat menuju kebenaran, doa paling maqbul, cara paling mulia, sifat utama, serta pengabdian yang paling murni dan tinggi kualitinya. Oleh kerana ikhlas mengandungi banyak cahaya dan kekuatan seperti yang disebutkan di atas, dan kerana kurnia Ilahi telah memberi tanggungjawab kepada kita dengan tugas suci dan berat, serta pengabdian yang agung, iaitu menjaga iman dan pengabdian kepada al-Quran, maka kita harus mendapatkan ikhlas dengan segala upaya berbanding orang lain. Ini kerana jumlah kita sangat sedikit, lemah, dan miskin, tetapi kita harus menghadapi musuh yang kuat dengan berbagai kesulitan, ditambah lagi dengan banyaknya bid'ah dan kesesatan yang menguasai kita di masa sulit ini. Yang paling kita perlukan sekarang

adalah bagaimana menguatkan keikhlasan dalam diri kita. Jika tidak, semua tugas suci yang kita lakukan menjadi sia-sia dan pengabdian kita tidak dapat bertahan lama. Kita akan dipertanggung jawabkan dengan ancaman Tuhan seperti firman-Nya yang berbunyi,

وَلَا تَشْرُوا بِأَيَّاتِي نَمَّا قَلِيلًا

“Janganlah kalian menukar ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah” (al-Baqarah: ayat 41)

Jika kita tidak bersikap ikhlas, kita akan merosakkan kebahagiaan abadi hanya kerana kepentingan dunia yang tidak bermakna, tidak perlu, merosakkan, menyedihkan, demi keinginan duniawi yang hina, rendah, berbahaya, kotor, dan tak berguna serta demi kepentingan diri sendiri yang merumitkan, riya dan keuntungan yang tidak signifikan. Jika kita berbuat demikian, kita melanggar hak-hak saudara kita sendiri, melanggar prinsip pengabdian kepada al-Quran, serta termasuk orang yang tidak menghormati kesucian dan ketinggian hakikat keimanan.

Wahai saudara-saudaraku! Terdapat banyak penghalang untuk melakukan sesuatu urusan kebaikan. Syaitan bersungguh-sungguh melawan pengabdi-pengabdi dalam pengabdian mereka. Oleh itu, untuk melawan syaitan itu kita perlu bersandar kepada keikhlasan. Maka itu jauhilah segala yang dapat menghilangkan keikhlasan sebagaimana kamu menjauhi kala jengking dan ular. Menurut kata-kata Nabi Yusuf A.S. dalam al-Quran,

”وَمَا أَبَرِّئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي“

“Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan) kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhan.”
(Surah Yusuf: 53).

Nafsu amarah yang jahat tidak boleh dipercayai. Jangan biarkan egoisme dan jiwa anda ditipu! Untuk mendapatkan keikhlasan dan memeliharanya, anda harus menjadikan sebagai panduan anda peraturan-peraturan berikut:

Peraturan Pertama

Memohon keredaan Allah dalam usaha-usaha yang kamu lakukan. Sekiranya Allah SWT telah meredainya, maka penolakan dan penerimaan manusia dan alam seluruhnya tidak memberi apa-apa kesan dan nilai. Apabila Allah menghendaki dan sudah menjadi ketentuan Allah selepas Allah reda dan menerima amal itu, Allah akan jadikan manusia menerima baik dan suka terhadapnya sekalipun kamu tidak memintanya. Oleh itu, hendaklah kamu jadikan keredaan Allah semata-mata, bukan yang selainnya sebagai asas dalam mencurahkan baktimu terhadap iman dan al-Quran.

Peraturan Kedua

Tidak mengkritik saudara-saudaramu yang mengabdi kepada al-Quran serta tidak membangkitkan rasa iri hati mereka dengan mempamerkan kelebihan yang ada pada dirimu. Sebagaimana satu tangan tak pernah bersaing dengan yang satu lagi, begitulah kedua mata tak pernah mengkritik antara satu sama lain, lisani tak pernah menentang

telinga, kalbu tak pernah melihat aib jiwa tetapi masing-masing saling melengkapi kekurangan yang lain, menutupi aib yang lain, serta berusaha membantu dan menolong yang lainnya. Jika tidak, kehidupan tubuh menjadi rosak, tidak berfungsi dan mati.

Sama juga dengan pekerja operasi dan mesin-mesin di kilang misalnya antara gerigi dan rodanya yang tak pernah bersaing, tak pernah saling mendahului, dan mengatasi yang lain. Mereka tidak boleh mencari kesalahan atau mengkritik satu sama lain atau berusaha untuk menghentikan kerja yang lainnya. Tetapi mereka saling membantu seboleh mungkin untuk mencapai matlamat yang sama. Mereka semuanya bergerak bersama sesuai dengan fungsi masing-masing dengan saling menyokong satu sama lain dan saling beriringan. Jika ada unsur asing yang walau sekecil zarah sekalipun masuk, sistem dan operasi semasa akan mengalami kerosakan. Pemilik akan segera membongkar sistem secara keseluruhan.

Wahai para murid Nur serta mereka yang berkhidmat dengan al-Quran! Kita semua merupakan bahagian-bahagian dan organ-organ dalam satu tubuh yang layak disebut sebagai insan kamil (manusia sempurna). Kita semua ibarat gerigi dan roda mesin yang menghasilkan kebahagiaan abadi untuk kehidupan yang kekal nanti. Kita adalah para pelayan dan pekerja dalam sebuah perahu rabbani yang membawa umat Muhammad SWT ke daerah yang tenang, pantai kedamaian. Maka kita sangat memerlukan kerjasama dan kesatuan yang kukuh yang dapat dicapai dengan keikhlasan kerana ikhlas itu dapat

memberi kekuatan jiwa untuk menghasilkan kerja empat orang senilai seribu seratus sebelas (1111). Justeru kita harus mengikut saranan ini.

Ya, jika tiga huruf alif tidak bersatu, nilainya hanya tiga saja. Tetapi apabila bersatu dan bekerja sama, nilainya akan menjadi seratus sebelas (111). Demikian pula dengan empat angka empat. Kalau masing-masing angka empat (4) ditulis secara terpisah, kesemuanya hanya berjumlah enam belas (16). Tetapi jika angka- angka tersebut bersatu dengan rahsia persaudaraan, memegang tujuan dan misi yang sama dalam satu baris, angka-angka itu menjadi senilai empat ribu empat ratus empat puluh empat (4444). Ada banyak peristiwa dan kejadian sejarah yang membuktikan bahawa kekuatan enam belas orang yang saling bersaudara, bersatu, dan berkorban, dengan penuh keikhlasan bemberi nilai lebih dari empat ribu orang.

Rahsia misteri ini begini: Setiap individu dari sepuluh orang yang benar-benar bersatu dengan penuh keikhlasan dapat melihat dari sudut pandang saudaranya, mendengar dengan telinga saudaranya seolah-olah masing-masing mereka memiliki kekuatan maknawiyah dan kemampuan untuk melihat dengan dua puluh mata, berpikir dengan sepuluh akal, mendengar dengan dua puluh telinga, serta bekerja dengan dua puluh tangan⁹.

9. Sebagaimana kerja sama yang hakiki dan persatuan yang mantap yang berrasal dari keikhlasan memberikan banyak keuntungan, kerjasama ini juga menjadi sandaran yang kuat untuk menghadapi berbagai mala petaka malah dalam menghadapi kematian sekalipun. Ini kerana, kematian hanya merenggut satu ruh sedangkan orang yang telah mengikat tali persaudaraan yang tulus ikhlas dengan saudara-saudaranya dalam hal-hal yang terkait dengan perkara akhirat serta dalam usaha memperoleh redha Ilahi membawa ruh-ruh lain sejum-

PRINSIP KETIGA

Hendaklah anda mengetahui bahawa kekuatan anda semua terletak pada keikhlasan dan kebenaran. Memang benar, kekuatan itu terdapat dalam kebenaran dan keikhlasan. Sehinggakan ahli kebatilan pun mendapat kekuatan dari keikhlasan dalam kerja-kerja mereka yang batil. Bukti bahawa kekuatan terletak pada kebenaran dan keikhlasan adalah perkhidmatan kita ini.

Keikhlasan yang sedikit yang dicurahkan dalam usaha kita berikan ini telah membuktikan pernyataan di atas dan merupakan bukti kepada dirinya sendiri. Dalam tujuh atau lapan tahun perkhidmatan pelajaran dan agama di sini, telah melebihi seratus kali ganda berbanding selama dua puluh tahun lebih perkhidmatan yang sama di wilayah asal saya dan di Istanbul. Di beberapa tempat di sini orang-orang yang menolong saya seratus, bahkan seribu kali lebih banyak dengan bekerja bersama dengan saudara-saudara saya itu, di mana saya bersendirian, terasing, separa buta huruf, di bawah pengawasan pegawai yang tidak adil serta dianiaya oleh mereka. Saya sama sekali tidak ragu bahawa perkhidmatan yang saya jalankan bersama anda dalam tujuh atau lapan tahun ini dan kekuatan dalaman yang diperolehi darinya telah menghasilkan kejayaan seratus kali lebih besar dari sebelumnya, telah timbul hasil dari keikhlasan anda.

lah bilangan saudaranya sehingga dia bertemu kematian dengan wajah yang mengukir senyuman sambil berkata, “Ruh-ruhku yang lain selamat. Aku masih memiliki kehidupan maknawiyah di mana ia tetap menghasilkan pahala untukku. Oleh itu aku belum mati”. Dia mengarahkan ruhnya dengan tenang, sementara lisannya berkatat, “Aku masih hidup dengan ruh-ruh tersebut dari sisi pahala. Kematianku hanya dari sisi dosa dan kesalahan” (penulis).

Saya juga harus akui bahawa dengan keikhlasan anda yang tulus, anda telah menyelamatkan saya dari kemunafikan sejauh-jauhnya yang dulunya menyanjungi jiwa saya di bawah tabir kemasyhuran dan kebesaran. Insya Allah, anda akan berjaya memperoleh keikhlasan mutlak, dan anda akan menyebabkan saya mendapatkannya juga.

Anda harus sedar bahawa kerana misteri keikhlasan inilah, Saidina Ali (R.A)¹⁰ dan Sayid Abd al-Qadir Gilani¹¹ (Ghawth al-A'zam, semoga Allah sucikan rohnya) menghormati anda dengan keramat mereka seumpama mukjizat yang luar biasa pada perkara-perkara ghaib. Mereka telah menawarkan anda pengharapan dalam melindungi dan memuji khidmat anda. Ya, anda tidak perlu ragu bahawa perhatian mereka ini adalah kerana keikhlasan. Sekiranya anda dengan sengaja mencederakannya, anda akan mendapat hukuman dari mereka. Anda patut ingat akan “pukulan belas kasihan” dalam Sinaran Kesepuluh. Sekiranya anda ingin mendapat perlindungan oleh penyokong kedua-dua pahlawan rohani seperti ini, dan memiliki mereka sebagai pembimbing anda, maka capailah keikhlasan sepenuhnya bersesuaian dengan ayat;

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ

10. ‘Ali bin Abi Talib: anak saudara lelaki Nabi Muhammad SAW, yang dari usia muda dibesarkan oleh Nabi SAW, yang kemudian dinikahi dengan puterinya, Fatima. Ali adalah orang pertama yang mempercayai wahyu al-Quran, dan terkenal dengan kepahlawanannya dalam pertempuran. Beliau merupakan khalifah keempat.

11. Sayid ‘Abd al-Qadir Gilani (Geylanî), yang dikenali sebagai Gawth al-A'zam, adalah eponim dari Tarekat Qadiri dan tokoh spiritual yang ulung dalam sejarah Islam. Dia hidup pada 470 / 1077-561 / 1166 dan telah dikebumikan di Baghdad.

“Dan mereka mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri sendiri.”(Surah al-Hasyir: ayat 9)

Mengutamakan jiwa saudara-saudaramu daripada jiwa kamu sendiri dalam penghormatan, pangkat, pujian, dan dalam perkara yang dinikmati oleh jiwa anda seperti faedah-faedah material, dan bahkan dalam manfaat-manfaat yang baik, seperti memberi keutamaan mengajar kepada saudaramu tentang satu hakikat dalam keimanan. Sekiranya boleh, galakkan salah seorang saudara anda yang tidak berapa mahu mengajar menggantikan tempat anda supaya jiwa anda tidak menjadi sompong. Sekiranya anda mempunyai keinginan untuk mengajar juga untuk mendapatkan pahala, itu pasti bukan dosa dan tidak ada salahnya, tetapi intipati keikhlasan antara anda mungkin akan rosak.

PRINSIP KEEMPAT

Berbangga dan bersyukur dengan kemuliaan yang dimiliki oleh saudara- saudara kamu, serta menganggap kemuliaan mereka itu sebagai sebahagian dari kemuliaan kamu. Terdapat istilah yang digunakan oleh para sufi, yaitu fana atau “*lenyap dalam diri Syeikh*”, “lenyap dalam diri Rasul”. Aku bukanlah seorang sufi, tetapi prinsip mereka ini adalah peraturan yang baik dalam bentuk “lenyap dalam saudaramu (*fana fil ikhwan*).” Ini merupakan prinsip indah yang sangat sesuai dengan perjalanan kita. Dengan kata lain, setiap orang harus melenyapkan diri pada yang lain (*tafani*). Ini bermaksud dia harus melupakan

perasaan nafsunya dan hidup bersama kemuliaan saudara-saudaranya. Sebab, landasan konsep kita adalah ukhuwah (persaudaraan) di jalan Allah. Hubungan yang mengikat kita adalah persaudaraan hakiki. Bukan hubungan antara anak dan ayah, serta bukan juga hubungan antara guru dan murid. Jika pun ada, hubungan itu hanyalah hubungan dengan seorang ustaz, kerana jalan kita adalah *khaliliyya* (persaudaraan yang tulus), maka prinsip kita adalah *khillat* (persahabatan). Khillat tersebut memerlukan sahabat yang paling karib, teman yang sanggup berkorban apa saja, kawan yang sangat menghargai yang lain serta saudara yang mulia. Pasti dasar yang paling utama dari persahabatan itu adalah hati yang tulus ikhlas. Siapa yang merosakkan keikhlasan tersebut, dia akan terjatuh dari daerah persahabatan yang tinggi nilainya ke daerah yang memberi tekanan yang sanagt mendalam kerana di antara kedua daerah ini tiada tempat atau sokongan yang boleh dijadikan tempat untuk berpegang.

Ya, terdapat dua jalan yang dapat dilihat. Orang-orang yang meninggalkan jalan kita yang merupakan jalan utama al-Quran kemungkinan akan membantu secara tidak sengaja kepada kekuatan atheisme yang merupakan musuh bagi kita. Mereka yang masuk ke dalam perkhidmatan al-Quran yang suci melalui Risalah Nur tidak akan terjatuh ke dalam lembah tadi dan selalu memberikan kekuatan pada cahaya, keikhlasan dan keimanan, insya Allah.

Cara Untuk Mencapai Keikhlasan

Pertama: *Rabithatul Maut* (Mengingat Kematian)

Wahai saudara-saudaraku yang berada dalam khidmat untuk al-Quran; Sesungguhnya cara paling utama untuk mendapatkan keikhlasan dan sebab utama yang berkesan untuk memelihara keikhlasan tersebut adalah dengan *rabithatul maut* (selalu mengingat mati). Sebagaimana cita-cita untuk memperoleh hal-hal keduniaan dapat merosakkan keikhlasan dan membawa manusia kepada cinta dunia dan riya, begitulah mengingati mati dapat menjauhkan manusia dari riya untuk memperoleh keikhlasan. Ini bermaksud dengan memikirkan kematian dan merenungkan bahawa dunia yang sementara ini akan musnah, dapat selamat dari tipu daya nafsu. Sebab itulah ahli sufi dan mereka yang berada di atas jalan yang benar menjadikan landasan dalam jalan mereka sesuai dengan pelajaran yang mereka dapat dari ayat al-Quran:

كُلُّ نَفْسٍ ذَاقَهُ الْمَوْتُ

Setiap jiwa (diri) pasti merasakan kematian. (Ali Imran: 185)

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ

Sesungguhnya kamu akan mati dan mereka pun akan mati. (az-Zumar: 30)

Dengan mengingat mati, mereka tidak berpikir akan kekal abadi dan tidak terus dengan angan-angan dan cita-cita dunia yang berpanjangan. Mereka membayangkan

diri mereka mati dan diletakkan di dalam kubur. Tatkala membayangkan situasi kematian itu, jiwa yang cenderung kepada keburukan akan menjadi sedih justeru sedikit demi sedikit jiwa tersebut melepaskan angan-angannya yang panjang terhadap kedudukan tertentu. Terdapat banyak manfaat dengan mengingati mati. Ada pengajaran yang boleh diambil mengenai perkara ini dari sebuah hadis Nabi Saw yang berbunyi:

أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَادِمِ الْلَّذَّاتِ

Perbanyaklah mengingat sesuatu yang memotong segala kenikmatan¹².

Oleh kerana jalan kita adalah jalan hakikat dan bukan jalan tarekat sufi, kita tidak perlu melakukan seperti mereka yang secara langsung mengingati mati dengan bayangan dan khayalan. Cara tersebut tidak sesuai dengan realiti. Cara kita bukan dengan membayangkan membawa bayangan tentang masa hadapan ke masa kini tetapi melihat dan memikirkan masa depan dengan sudut pandang realiti. Ini kerana manusia boleh menyaksikan jenazahnya sebagai buah dari pohon umurnya yang singkat tanpa membayangkan dan mengkhayalkannya. Jika ketika itu manusia meluaskan sedikit sahaja lagi tumpuannya, dia tidak hanya mampu melihat hal kematian dirinya semata-mata, tetapi juga akan dapat melihat kehancuran zamannya dan jika dia pergi lebih jauh lagi dia akan melihat penghujung dan kehancuran dunia. Dari sini, terbukalah jalan baginya memperoleh keikhlasan yang sempurna.

12 Tirmidhi, Zuhd, 4; Qiyama, 26Nasaí, Janaíz, 3; Ibn Maja, Zuhd, 3; al-Hakim al-Mustadrak, iv, 321. 20

Kedua: *Tafakkur Imani*

Cara kedua untuk dapat memperoleh ikhlas adalah dengan merasai kehadiran Tuhan melalui kekuatan iman dan cahaya yang datang dengan tafakkur imani terhadap ciptaan yang menghasilkan makrifat iaitu membawa kepada mengenal Sang Pencipta. Ini dilaksanakan dengan berfikir bahawa Sang Pencipta Maha Penyayang senantiasa hadir dan melihatnya; tidak mencari perhatian selain-Nya, dan sedar bahawa meminta pertolongan yang lain selain daripadaNya adalah bersalah dengan etika tatkala berhadapan denganNya; sehingga ini dapat menyelamatkannya dari penyakit riya sekaligus dia memperoleh ikhlas. Namun demikian, refleksi ini mempunyai banyak tahap dan tingkat. Berapa banyak pun seseorang mendapat manfaat daripada usahanya adalah keuntungan baginya sesuai dengan kebolehan dan kemampuannya. Hal ini cukup sampai di sini dan kita boleh merujuk kepada Risalah Nur yang mengupas berbagai hakikat yang boleh membawa seseorang untuk menyelamatkan dirinya dari riya dalam usahanya mencapai keikhlasan.

Halangan Keikhlasan

Daripada banyak perkara-perkara yang memusnahkan keikhlasan dan memandu seseorang kearah bersikap hipokrit, kita akan menerangkan secara ringkas hanya dua atau tiga darinya.

Pertama: Persaingan ke arah kelebihan-kelebihan material dengan perlahan-lahan akan memusnahkan keikhlasan. Ia juga adalah penghalang terhadap hasil

perkhidmatan kita. Ia juga menyebabkan manfaat-manfaat material hilang.

Negara ini sentiasa memupuk rasa hormat kepada mereka yang bekerja untuk perkara-perkara yang hak dan perkara-perkara akhirat, dan telah membantu mereka. Dengan niat untuk secara aktif berkongsi keikhlasan yang tulen dan dalam kerja-kerja yang mereka jalankan dengan setia. Kita sentiasa telah menunjukkan rasa hormat dengan membantu mereka bagi keperluan-keperluan material seperti sedekah dan hadiah untuk menyelamatkan mereka dari sibuk untuk mendapatkan keperluan harian dan dengan ini membuang masa mereka.

Tetapi bantuan dan manfaat sedemikian tidak sepatutnya dicari; ia sepatutnya diberikan. Ia bukan sahaja tidak perlu dicari melalui lisanul hal dari keinginan di dalam diri atau dengan penantian. Ia sepatutnya diberikan secara tidak dijangka, jika tidak keikhlasan akan dicederakan.

Sebaliknya, ia akan membawa seseorang dekat dengan larangan yang dinyatakan oleh ayat berikut,

وَلَا شَنَّرُوا بِأَيَّاتِي ثُمَّا قَلِيلًا

Dan janganlah kamu menjual ayat-ayat aku dengan harga yang murah (al-Baqarah: ayat 41) dan memusnahkan amal itu sebahagiannya.

Nafsu ammarah yang jahat itu membangkitkan perasaan persaingan terhadap saudara dan sahabat sejatinya dalam perkhidmatan tertentu dengan pertamanya berhasrat dan mengharapkan manfaat material yang sama untuknya, dan

tidak membenarkan ia pergi kepada orang lain. Keikhlasan telah menjadi rosak, dan kesucian perkhidmatan telah hilang, dan orang seperti ini akan tidak di senangi di mata ahli-ahli hakikat. Dia juga akan kehilangan manfaat material.

Perkara ini memerlukan banyak perbincangan, tetapi saya akan menghadkannya dan hanya menyebut dua contoh yang akan menguatkan keikhlasan dan kesatuan sejati antara saudara-saudara saya yang sebenar.

Contoh Pertama:

'Ahli dunia', dan juga ahli politik tertentu dan kumpulan haram dan penipu-penipu masyarakat, telah menerima pakai sebagai prinsip panduan mereka, akan perkongsian harta bersama untuk mendapatkan kekayaan dan kuasa. Dengan itu, mereka memperoleh kekuatan dan kelebihan yang luar biasa, di sebalik semua eksplotasi dan kerugian yang mereka alami. Namun, sikap pemilikan harta bersama itu tidak berubah dengan perkongsian mereka, walaupun kemudaratannya adalah banyak. Walaupun dalam satu aspek setiap rakan kongsi adalah seumpama pemilik dan penyelia harta mereka bersama, mereka tidak dapat mengaut keuntungan daripadanya.

Sebaliknya, jika prinsip harta bersama ini digunakan untuk kerja-kerja akhirat, ia mengumpul manfaat yang luas dan tidak menghasilkan apa-apa kerugian. Ini kerana semua harta itu dapat di manfaatkan ke tangan setiap rakan kongsi.

Sebagai contoh, terdapat empat atau lima lelaki. Dengan

idea perkongsian, salah seorang daripada mereka membawa minyak, seorang membawa sumbu, seorang membawa lampu kaca, seorang membawa mancis, dan orang kelima memasang setiap bahan yang dibawa; mereka memasang lampu dan menyalakannya. Setiap orang daripada mereka menjadi pemilik lampu yang lengkap. Jika setiap rakan kongsi mempunyai cermin penuh di dinding, dia akan dicerminkan di dalamnya bersama-sama dengan lampu dan bilik, tanpa kekurangan atau dipecahkan gambaranya.

Begitulah juga bagi penyertaan bersama dalam barang akhirat melalui misteri keikhlasan dan kerjasama melalui misteri persaudaraan, yang juga seumpama perniagaan bersama melalui penyatuan itu. Hasilnya, jumlah semua amal bersama dan semua cahayanya akan memasuki buku amal perbuatan baik setiap orang yang mengambil bahagian. Ia adalah satu yang nyata dan telah disaksikan oleh ahli hakikat. Ia juga adalah keperluan bagi mendapatkan seluas-luasnya rahmat dan kasih sayang Ilahi.

Saudara-saudara ku! InsyaAllah, manfaat material tidak akan mencetuskan perbalahan sesama kamu. Anda mungkin tertipu berhubung dengan faedah akhirat seperti beberapa orang yang mengikuti jalan kesufian. Tetapi bagaimana mungkin beberapa keuntungan peribadi yang kecil berbanding dengan keuntungan dan manifestasi cahaya yang diperolehi berhubung dengan tindakan bersama yang disebutkan dalam contoh di atas?

Contoh Kedua:

Tukang-tukang yang ahli mendapat kekayaan yang besar

melalui kerjasama agar keuntungan lebih banyak daripada produk kraf tangan mereka dapat perolehi. Pada masa dahulu sepuluh pengeluar jarum jahit semuanya bekerja sendiri, dan hasilan setiap individu ialah tiga jarum sehari. Kemudian mengikut peraturan usaha sama dalam perusahaan, sepuluh orang lelaki itu bersatu. Seorang membawa besi, seorang menyalakan relau, seorang menebuk lubang jarum, seorang meletakkannya dalam relau, dan seorang lagi mengasah mata jarum, dan sebagainya; Masing-masing bekerja dengan hanya dalam satu bahagian daripada proses pembuatan jarum. Oleh kerana pekerjaan setiap seorang lelaki menjadi mudah, dia tidak membuang masa; dia memperoleh kemahiran dan melakukan kerja dengan kelajuan yang tinggi. Pengilang membahagikan kerja yang dilakukan mengikut peraturan perusahaan bersama dan pembahagian kerja: mereka mendapati bahawa bukannya tiga jarum sehari dihasilkan oleh setiap pekerja, tetapi setiap pekerja menghasilkan 300 jarum. Perkara ini telah tersebar meluas di kalangan tukang-tukang ‘duniawi’ untuk menggalakkan mereka bersatu tenaga.

Saudara-saudaraku! Oleh kerana kesatuan dan kesepakatan dalam hal-hal duniawi dan dalam bahan-bahan padat telah menghasilkan hasil-hasil dan kelebihan-kelebihan tersebut, anda boleh membandingkan betapa besarnya keuntungan bagi setiap orang untuk memantulkan dengan cerminnya sendiri cahaya yang menyeluruh daripada rahmat Ilahi, yang bersinar dan berkaitan dengan kerja-kerja akhirat, yang satu dan tidak berpecah-pecah, untuk mendapatkan ganjaran yang setara bagi mereka semua. Keuntungan besar ini tidak sepatutnya dihilangkan

melalui perbalahan dan sikap yang tidak ikhlas.

Halangan Kedua Yang Memusnahkan Keikhlasan:

Ini adalah untuk memusnahkan ego dan tidak memberikan makam yang tinggi terhadap nafsu amarahnya dengan menarik perhatian dan pengiktirafan awam terhadap dirinya, dengan dorongan keinginan untuk kemasyhuran, terkenal dan mendapat kedudukan. Ini adalah penyakit rohani yang serius yang juga membuka pintu kepada kemunafikan dan kemasyhuran diri sendiri yang dipanggil “syirik tersembunyi” dan akan menghancurkan keikhlasan.

Wahai saudara-saudara ku! Cara kita dalam perkhidmatan Al-Qur'an adalah kebenaran serta persaudaraan, dan persaudaraan sebenarnya ialah dengan “*menganiaya keperibadian diri sendiri di kalangan saudara-saudaranya dan mengutamakan jiwa mereka*¹³”. Perbalahan seperti ini yang timbul daripada keinginan untuk pangkat dan kedudukan tidak sepatutnya diberi perhatian. Ia sama sekali bertentangan dengan cara kita.

‘Penghormatan ialah hak bersama semua individu’ dalam persaudaraan kita; Dengan itu saya berharap bahawa mengorbankan penghormatan kolektif yang besar untuk peribadi dan kepentingan diri sendiri, perasaan hasad dengki dengan persaingan untuk kemasyhuran yang sedikit dan sanjungan adalah jauh daripada menjadi sesuatu yang akan dilakukan oleh pelajar Risalah an-Nur. Ya, hati,

13. {Ya, gembira adalah dia yang, demi mendapatkan akses kepada curahan besar air tawar yang bertapis dari mata air Al-Qur'an, melemparkan keperibadian dan egonya - seumpama blok-blok ais - ke dalam kolam untuk mencairkan dirinya.}

fikiran, dan semangat pelajar-pelajar Risalah an-Nur tidak akan tunduk kepada perkara-perkara yang hina, berbahaya dengan perkara-perkara yang lebih rendah ini.

Namun, semua orang mempunyai nafsu amarah, dan kadang-kadang jiwa emosi akan mempengaruhi sebahagian urat saraf karakter dan mempengaruhi hati, minda dan rohnya; Saya tidak menuduh hati, minda, dan roh anda. Saya mempunyai keyakinan terhadap anda kerana kesan daripada Risalah an-Nur. Tetapi ada ketikanya jiwa, keinginan, emosi, dan imaginasi kita tertipu. Atas sebab inilah kadang-kadang anda menerima amaran yang keras. Kekerasannya ditujukan kepada jiwa, keinginan, emosi dan imaginasi anda; bertindaklah dengan berhati-hati.

Ya, jika cara kita tertakluk kepada ketundukkan seorang syeikh, maka akan ada satu makam, atau beberapa makam yang terhad, dan banyak kedudukan akan dilantik untuknya. Dengan ini, mungkin akan ada iri hati dari mereka yang mementingkan diri sendiri, tetapi cara kita adalah persaudaraan. Di kalangan saudara tidak ada kedudukan sebagai ayah dan tidak jawatan sebagai seorang mursyid. Dalam persaudaraan terdapat makam yang luas dan tidak boleh menjadi punca pergolakan iri hati. Bagi seseorang saudara, dalam hal yang paling diperlukan, dia membantu dan menyokong saudaranya; dia melengkapkan perkhidmatannya. Telah terdapat bukti yang banyak bahawa kemudarat dan kesilapan yang banyak telah disebabkan oleh iri hati, tamak terhadap ganjaran kerohanian, dan penghargaan yang tinggi terhadap seseorang mursyid, dengan menimbulkan konflik dan persaingan di kalangan

mereka yang mengikutinya, walaupun pencapaian, kesempurnaan dan faedahnya yang di perolehi adalah besar, ia telah menyebabkan kekuasan mereka yang luas dan suci tidak dapat menahan tiupan angin bida'ah yang melanda.

Halangan Ketiga: Takut dan Tamak

Ia melibatkan ketakutan dan ketamakan. Halangan ini telah dijelaskan secara menyeluruh dalam risalah Serangan ke 6¹⁴ bersama-sama dengan halangan- halangan lain. Oleh itu, kami merujuk anda kepada risalah ini, dan menjadikan Yang Pengasih daripada Yang Maha Pengasih daripada nama-namanya yang indah (Asma al-Husna) sebagai syafaat, kami memohon doa agar Dia akan memberikan kejayaan dalam mencapai keikhlasan yang sepenuhnya.

اللَّهُمَّ بِحَقِّ سُورَةِ الْأَخْلَاصِ اجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الْمُخْلِصِينَ
الْمُخْلِصِينَ. أَمِينٌ أَمِينٌ

Ya Allah! Demi Sura al-Ikhlas, letakkanlah kami di kalangan hamba-Mu yang dapat mencapai keikhlasan. Amin... Amin...

سُبْحَانَكَلًا عَلِمْنَا إِلَامًا عَلِمْتَنَا إِنْ كُنْتَ لِعَلِيِّمٍ حَكِيمٌ

Maha Suci Engkau. Tiada yang kami ketahui, kecuali yang Engkau telah ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana. (Al-Baqarah: ayat 32)

14. Lihat, Bediuzzaman Said Nursi, Surat 1928-1932 (Istanbul: Lyrics Nesriyat, edn baru 2009) Seksyen Keenam Surat Kedua Puluh 2009, pp. 474-90. (En.)

Satu Surat Yang Khusus Ditujukan Kepada Beberapa Orang Saudaraku

Aku akan menyebut satu fakta mengenai dua Hadis Syarif kepada saudara-saudaraku yang telah bosan menyalin Risalah an-Nur, dan lebih suka dengan wirid-wirid lain dalam tempoh tiga bulan (Rejab, Sya'ban dan Ramadan) daripada bulan-bulan ibadat ini, walaupun melakukan penyalinan ini merupakan ibadah dalam lima hal¹⁵.

Kedua- dua Hadis ini adalah seperti yang disebutkan berikut:

Yang Pertama:

يُوزَنُ مِدَادُ الْعُلَمَاءِ بِدِمَاءِ الشُّهَدَاءِ

“Pada akhir zaman, dakwat yang digunakan oleh para ulama adalah timbangannya sama dengan darah syuhada”¹⁶. ”

15. Penjelasan yang kami terima disenaraikan di bawah.

- i. Berusaha menentang salah faham rakyat dalam hal kemungkaran, adalah satu jihad yang paling penting.
- ii. Untuk berkhidmat kepada guruku dalam bentuk membantu beliau menyebarkan kebenaran.
- iii. Berkhidmat kepada umat Islam berhubung dengan perkara keimanan.
- iv. Untuk mendapatkan pengetahuan melalui pena.
- v. Melaksanakan satu jam ibadah dalam bentuk tafakkur mungkin kadangkala sama dengan ibadah setahun.

Ditandatangani: Rushdie, Husrev, Re'fet

16 al-Ghazali, Ihya 'Ulum al-Din, i, 6; al-Munawi, Fayd al-Qadir, vi, 466; al-'Ajluni, Kashf al-Khafa', ii, 561; al-Suyuti, Jami' al-Saghir, No: 10026.

Yang Kedua:

مَنْ تَمَسَّكَ بِسُنْنَتِي عِنْدَ فَسَادٍ أَمْتَى فَلَهُ أَجْرٌ مِّأْدَةٌ شَهِيدٌ

“Sesiapa yang berpegang kepada Sunnahku apabila komuniti aku rosak akan mendapat ganjaran seratus orang syahid”.

Iaitu, mereka yang patuh dan berkhidmat kepada sunnah Nabi Muhammad SAW dan hakikat Al-Qur'an apabila amalan bida'ah dan kemungkaran berleluasa boleh mendapat ganjaran seratus syahid.

Bagi saudara-saudaraku yang berasa bosan menyalin kerana berasa malas! Dan saudara-saudaraku yang cenderung kearah kesufian! Kedua-dua Hadis ini menunjukkan bahawa cahaya hitam yang mengalir dari pen yang diberkati daripada pena-pena yang suci yang berkhidmat untuk keimanan dan misteri syariat dan sunnah Nabi Muhammad SAW pada keadaan masa sekarang ini – bahkan setitik dakwat mereka yang mengalir – boleh memberi kejayaan untuk mereka di Padang Mahsyar bersamaan dengan seratus titisan darah para syuhada'. Jadi cubalah untuk mendapatkannya!

Jika anda berkata:

Ia mengatakan “ulama” dalam hadis itu dan kebanyakkan daripada kita hanyalah penyalin.

Jawapannya:

Sesiapa yang membaca risalah ini selama setahun dan memahami dan menerimanya, dia boleh menjadi seorang

ulama yang berharga yang tepat pada masa sekarang ini. Walaupun mereka tidak memahaminya, kerana pelajar Risale-i Nur mempunyai personaliti yang kolektif, tidak diragui mereka adalah ulama.

Bagi pena-pena anda, ia adalah jari-jari yang tidak ternilai dari aspek keperibadian kolektif itu. Dengan sangkaan baik anda, anda telah meletakkan saya pada kedudukan sebagai seorang Ustaz dan ulama, dan mengorbankan diri anda kepada saya walaupun pada pandangan saya, ianya adalah tidak wajar.

Saya ialah seorang yang tidak pandai menulis dan mengalami kesukaran dalam menulis; jadi pena-pena anda adalah mewakili saya; Anda akan menerima ganjaran yang dinyatakan dalam hadis di atas.

Said Nursi

SURAT KEDUA PULUH DUA RISALAH UKHUWAH

بِاسْمِهِ

Dengan nama-Nya.

وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

“Dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya”. (Al-Isra’: ayat 44)

[Maktabat ini terdiri daripada dua bab; Bab pertama menyeru mereka yang beriman kepada persaudaraan dan kasih sayang.]

Perbahasan Pertama

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dalam Nama Tuhan, Yang Maha Penyayang, Lagi Maha Penyayang.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaiakanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu”. (Al-Hujurat: ayat 10)

إِذْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُ عَدَاؤُهُ كَانَهُ وَلِيُّ حَمِيمٌ

“Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib”. (Fusilat: ayat 34)

وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْطَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik”; (Ali-Imran: ayat 134)

Pertengkar dan perbalahan di kalangan orang-orang yang beriman, dan ber- partisan, berkeras hati, dan iri hati, yang membawa kepada perasaan dendam dan permusuhan di kalangan mereka, merupakan perkara yang paling menjijikkan, hina, berbahaya dan berdosa, melalui hakikat hikmah dan kemanusiaan yang tertinggi iaitu Islam bagi kehidupan peribadi, sosial dan roh keIslamam. Perkara-perkara ini ringkasnya, adalah racun untuk kehidupan manusia. Kami akan menunjukkan enam daripada aspek-aspek hakikatnya yang sangat banyak.

Aspek Pertama

Perkara-perkara ini adalah zalm dari sudut hakikat yang sebenarnya. Wahai manusia yang zalm yang menyemai permusuhan dan kebencian di kalangan orang- orang yang beriman! Marilah kita menganggap bahawa anda berada

di atas kapal, atau di rumah, dengan sembilan orang yang tidak bersalah dan seorang penjenayah. Jika seseorang cuba untuk membuat kapal itu tenggelam, atau menyalakan rumah itu dengan api kerana seorang penjenayah yang berada di dalamnya, anda tahu betapa besar akan dosanya itu. Lalu anda akan menjerit sekuat-kuatnya terhadap perbuatannya itu. Walaupun terdapat seorang lelaki yang tidak bersalah dan sembilan penjenayah di atas kapal, ia adalah bertentangan dengan semua peraturan keadilan untuk menenggelamkan kapal itu.

Begitulah juga, jika ada di dalam peribadi orang-orang beriman, yang mungkin boleh dibandingkan sebagai kediaman sifat-sifat Rabbani, seperti sebuah kapal Ilahi, bukan sembilan, tetapi sebanyak dua puluh sifat-sifat yang baik seperti keimanan, keislaman dan kejiranahan; dan jika anda kemudian memupuk permusuhan dan kebencian terhadap satu sifat jenayahnya yang mencederakan dan tidak menyenangkan anda, ketahuilah bahawa percubaan unuk tenggelamkan dirinya, membakar rumahnya, maka anda juga adalah penjenayah dengan melakukan kekejaman yang besar.

Aspek Kedua

Perkara-perkara ini adalah juga zalm dari sudut hikmah, kerana jelas bahawa permusuhan dan kasih-sayang adalah sifat yang bertentangan, sama seperti cahaya dan kegelapan; sambil mengekalkan hakikat sifat masing-masing, mereka tidak boleh digabungkan. Jika cinta benar-benar ditemui dalam jiwa dan oleh sebab-sebab utama punca yang

menghasilkannya, maka permusuhan dalam hati itu hanya boleh menjadi metafora, dan diambil alih dalam bentuk belas kasihan. Orang yang beriman seharusnya mencintai saudaranya, dan berasa sakit oleh mana-mana kejahanan yang dilihatnya di dalam diri saudara itu. Dia cuba untuk membaiki saudaranya bukan dengan kekerasan tetapi secara lemah lembut. Atas sebab inilah Hadis Nabi (SAW) yang bersabda, “*Tidak halal bagi seorang muslim untuk tidak bertegur saudaranya melebih tiga hari.*¹⁷” Jika punca-punca yang menghasilkan permusuhan mendominasi, dan permusuhan sejati mengambil tempatnya di dalam hati anda, maka cinta dalam hati itu akan menjadi metafora, dan akan merubah kepada penipuan dan kepalsuan.

Wahai orang yang tidak adil! Lihatlah betapa besar dosanya permusuhan dan kebencian terhadap saudaramu yang beriman! Jika anda mengatakan bahawa batu-batu biasa yang kecil itu adalah lebih berharga daripada Kaabah dan lebih besar daripada Bukit Uhud, ia akan menjadi kebodohan yang sangat hodoh. Begitu jugalah, keimanan yang bernilai seumpama Kaabah dan Islam yang mempunyai keagungan seperti Bukit Uhud serta lain-lain sifat keislaman saudaramu menuntut kasih sayang dan kesepakatan. Tetapi jika anda mengutamakan kekurangan saudaramu dan melahirkan permusuhan terhadapnya dari keimanan dan keislaman, yang pada hakikatnya adalah seumpama batu-batu yang kecil, maka anda juga akan terlibat dengan ketidakadilan yang besar, bodoh dan berdosa!

17. Bukhari, Adab, 57, 62; Isti'dhan, 9; Muslim, Birr, 23, 25, 26; Abu Da'ud, Adab, 47; Tirmidhi, Birr, 21, 24; Ibn Maja, Muqaddima, 7; Musnad, i, 176, 183; iii, 110, 165, 199, 209, 225; iv, 20, 327, 328; v, 416, 421, 422

Kesatuan keimanan memerlukan juga kesatuan hati, dan ketauhidan keimanan kita menuntut kesatuan dalam masyarakat kita. Anda tidak boleh menafikan bahawa jika anda mendapati diri anda berada dalam rejimen yang sama dengan seorang askar, anda akan membentuk perhubungan yang mesra dengannya; hubungan persaudaraan akan terhasil kerana anda berdua di bawah pemerintah seorang komander yang tunggal. Anda juga akan mengalami hubungan persahabatan ini jika tinggal di bandar yang sama dengan seseorang.

Sekarang terdapat hubungan perpaduan, ikatan kesatuan, dan hubungan persahabatan sebanyak nama-nama Ilahi yang ditunjukkan dan dipamerkan kepada anda oleh cahaya dan kesedaran keimanan. Penciptamu, Pemilikmu, objek peribadatan, dan Pemberi Rezekimu adalah satu dan sama bagi anda berdua; Beribu-ribu perkara adalah sama bagi anda berdua. Nabimu (SAW), agamamu, kiblatmu adalah satu dan sama; Beratus-ratus perkara adalah satu dan sama untuk anda berdua. Kemudian kampungmu adalah satu, negerimu adalah satu, negaramu adalah satu; Puluhan perkara adalah satu dan sama untuk anda berdua. Semua perkara ini, satu per satu yang sama ini menuntut kesatuan, perpaduan dan persefahaman, kasih sayang dan persaudaraan, dan sesungguhnya kosmos dan planet-planet yang sama dihubungkan dengan rantai yang tidak kelihatan ini.

Di sebalik semua perkara-perkara ini, jika anda lebih suka perkara-perkara yang tidak bernilai dan fana yang seumpama sarang labah-labah dengan menimbulkan

pertikaian, perbalahan dan permusuhan, dan terlibat dalam permusuhan sebenar terhadap orang-orang yang beriman, maka anda akan memahami - melainkan jika hati anda telah mati dan kecerdasan anda telah terpadam - betapa besarnya rasa tidak hormat anda terhadap ikatan perpaduan itu, betapa sedikitnya perasaan anda untuk hubungan kasih sayang dan betapa anda telah melakukan pelanggaran terhadap ikatan persaudaraan!

Aspek Ketiga

Selaras dengan maksud ayat:

وَلَا تَزِرُّ وَازْرَةً وَزْرَ أُخْرَى

“Seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang yang lain”, (Surah Al-An’am: ayat 164), yang menjelaskan hakikat keadilan yang mutlak, dengan memupuk permusuhan dan kebencian terhadap orang yang beriman dengan mengutuk semua sifat-sifatnya yang baik kerana kesalahan tunggal yang terdapat dalam dirinya adalah satu jenayah, dan merupakan satu perbuatan ketidakadilan yang dahsyat. Selanjutnya jika anda menambahkan lagi dengan bermusuhan terhadap semua ahli keluarga seseorang yang beriman kerana kesalahan beliau yang tunggal itu, kemudian, selaras dengan إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ , ayat berikut di mana peserta aktif berada dalam bentuk intensif (*Sesungguhnya manusia itu sangat cenderung terhadap perkara yang mungkar*, Surah Ibrahim: ayat 34) anda akan melakukan dosa dan pencerobohan yang lebih besar, di mana hakikat, Syariat dan hikmah Islam bergabung untuk memberikan amaran kepada anda. Bagaimanakah anda boleh bayangkan diri

anda betul, dan berkata: “*Saya di dalam kebenaran*”?

Pada pandangan yang hak, punca permusuhan dan segala bentuk kejahatan adalah dengan sendirinya satu kejahatan dan padat seperti tanah liat: ia tidak boleh menjangkiti atau disebarluaskan kepada orang lain. Jika seseorang belajar daripadanya dan melakukan kejahatan, itu adalah persoalan yang lain. Kualiti yang baik yang lahir dari kasih sayang adalah berbahaya seperti kasih sayang; Ia adalah sebahagian daripada tugasnya, untuk disebarluaskan dan menghasilkan kesannya. Maka atas sebab ini telah wujud satu peribahasa, “sahabat kepada seorang sahabat adalah juga sahabat kita¹⁸” dan juga di katakan, “Banyak mata akan di kasihi atas sebab satu mata [rasa kasih terhadap seseorang akan menjadikan rasa kasih terhadap seluruh ahli keluarga dan sanak saudaranya]”.

Oleh itu, wahai orang yang zalim! Jika beginilah hakikatnya, anda akan memahami sekarang, jika anda mempunyai keupayaan untuk melihat akan hakikat, betapa besarlah kesalahannya untuk mempelopori permusuhan dengan sesukanya ke atas saudara-saudaramu dan ke atas keluarganya yang tidak bersalah.

Aspek Keempat

Perbalahan di antara orang-orang beriman adalah berdosa dari sudut pandangan kehidupan peribadi. Dengarlah akan empat prinsip berikut yang merupakan asas kepada Aspek Keempat ini.

18 {‘Ali b. Abi Talib, Nahj al-Balaghah, 748-9.}

Prinsip Pertama: Jika anda tahu bahawa cara dan pendapat anda adalah benar, anda mempunyai hak untuk mengatakan, “*Cara saya adalah betul dan yang terbaik.*” Tetapi anda tidak mempunyai hak untuk mengatakan, “Hanya cara saya sahajalah yang betul.”

وَعَيْنُ الرِّضَا عَنْ كُلِّ عَيْبٍ كَلِيلٌةٌ - وَلَكِنَّ عَيْنَ السُّخْطِ تُبْدِي
الْمُسَاوِيَا

Menurut rasa “Mata orang yang merasa sudah puas itu terlalu kabur untuk melihat kesalahannya; mata seseorang yang marah itu dapat memamerkan semua yang aibnya¹⁹; pandangan anda yang tidak adil dan pendapat yang tercemar tidak boleh menjadi hakim penentu dan tidak boleh mengutuk kepercayaan orang lain sebagai salah.”

Prinsip Kedua: Adalah hak anda untuk berkata hanya yang benar, tetapi anda tidak perlu mengatakan semua yang benar. Kerana niat yang tidak ikhlas kadang-kadang akan menerima nasihat yang baik dengan perasaan yang tidak senang, dan bertindak balas terhadapnya secara tidak baik.

Prinsip Ketiga: Jika anda berniat menyuburkan permusuhan, arahkanlah permusuhan itu ke dalam hati anda, dan cubalah untuk menghilangkannya dari diri anda. Jadilah musuh kepada nafsu amarah anda dan perkara-perkaranya yang keji dan berusahalah untuk mengubatinya, kerana ia memberikan lebih banyak kemudaratannya kepada anda daripada segala-galanya. Jangan terlibat dalam permusuhan terhadap orang-orang beriman yang lain akibat jiwamu yang cedera itu. Sekali lagi, jika anda ingin

19 ‘Ali Mawardi, *Adab al-Dunya wa'l-Din*, 10; Diwan al-Shafi, 91

menanam permusuhan, arahkanlah ia terhadap orang-orang kafir dan ateis yang ramai; bermusuhanlah dengan mereka.

Dengan cara yang sama bahawa sifat kasih sayang berhak untuk menerima kasih sayang sebagai balasannya, sebagaimana permusuhan layak untuk menerima permusuhan sebagai balasannya. Jika anda ingin mengalahkan musuh, maka bertindak balaslah kepada kejahatannya dengan kebaikan. Jika anda bertindak balas dengan kejahatan, permusuhan akan meningkat, walaupun musuh anda itu secara zahir telah dikalahkan, dia akan memupuk kebencian dalam hati dan permusuhan akan berterusan. Tetapi jika anda bertindak balas dengan baik kepadanya, dia akan bertaubat dan menjadi rakan anda.

إِذَا أَنْتَ أَكْرَمْتَ الْكَرِيمَ مَلْكُهُ - وَإِنْ أَنْتَ أَكْرَمْتَ اللَّئِيمَ ثَمَرَّدَا

Maksud ayat: “*Jika anda memberi penghormatan kepada orang yang mulia, dia akan menjadi milik anda; Dan jika anda bermusuhan terhadap orang yang tidak beradab, dia akan memberontak*²⁰”, ia adalah tanda bagi orang yang beriman untuk menjadi mulia, dan dia akan menyerahkan dirinya kepada anda melalui tindakan anda yang mulia. Dan walaupun seseorang yang beriman itu kelihatan rendah zahirnya, dia adalah mulia dari sudut keimanannya. Ia sering berlaku bahawa jika anda memberitahu seorang lelaki yang jahat, “*Anda baik, anda baik,*” dia akan menjadi baik; dan jika anda memberitahu seorang lelaki yang baik, “*Anda jahat, anda jahat,*” dia akan menjadi jahat.

Oleh itu, berpeganglah kepada prinsip-prinsip suci

20 Mutanabi. Lihat, al-'Urf al-Tayyib fi Sharh Diwan al-Tayyib, 710. 30

Al-Qur'an ini, untuk kebahagiaan dan keselamatan yang terdapat di dalamnya:

وَإِذَا مَرُوا بِاللَّغْوِ مَرُوا كِرَاماً (dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan)

وَإِنْ تَعْفُوا وَتَصْفَحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

"Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani" (At- Taghaabun: ayat 14)

Prinsip Keempat:

Mereka yang menyuburkan permusuhan adalah kezaliman terhadap diri mereka sendiri, saudara mereka yang beriman, dan terhadap rahmat Ilahi. Bagi orang seperti itu mereka menyalimi jiwa mereka dengan azab yang menyakitkan melalui permusuhan dan kebencian itu. Dia mengenakan kutukan ke atas jiwanya setiap kali musuhnya menerima beberapa kurniaan, dan kesakitan daripada ketakutan kepadanya. Jika permusuhan timbul daripada iri hati, maka ia adalah bentuk kesakitan yang paling dahsyat. Pertamanya iri hati memakan dan memusnahkan tuannya, dan kemudaratan terhadap orang yang di iri hati sama ada sedikit atau tidak wujud.

Penawar untuk iri hati: Biarkan orang yang iri hati mencerminkan akibatnya daripada perkara-perkara yang melahirkan permusuhan itu. Kemudian dia akan memahami

bahawa keindahan, kekuatan, pangkat, dankekayaan yang dimiliki oleh saingannya adalah fana dan sementara. Manfaatnya sedikit, dan kebimbangan yang di sebabkan olehnya adalah besar. Adalah persoalan ketinggian peribadi yang akan mendapatkan seseorang pahala di akhirat, ia tidak boleh menjadi objek iri hati. Tetapi jika seseorang itu iri hati di sebabkan olehnya, maka dia sama ada munafik, ingin memusnahkan barang akhirat di dunia yang fana ini, atau dia membayangkan bahawa salah satu daripada orang yang di cemburui itu menjadi munafik, dengan itu bertindak zalim terhadapnya. Jika dia bergembira dengan musibah yang dialami saudaranya dan berdukacita oleh limpah kurniaan yang diterima saudaranya itu, seolah-olah dia telah tersinggung dengan kebaikan yang ditunjukkan oleh qadar (ketentuan Ilahi) dan belas kasihan-Nya. Sesiapa yang mengkritik ketentuan Ilahi, dia seumpama mengetuk kepalanya terhadap meja tukang besi di mana kepalanya akan pecah, dan sesiapa yang membantah belas kasihan Ilahi dia akan dilucutkan rahmat- Nya terhadap dirinya.

Bagaimana keadilan hakiki dan hati nurani yang suci boleh menerima bahawa tindak balas kepada sesuatu permusuhan yang bernilai tidak sampai sehari harus menjadi permusuhan dan kebencian terhadapnya setahun?

Anda tidak boleh mengutuk seorang saudara yang beriman kerana beberapa kejahatan yang anda alami di tangannya atas sebab-sebab berikut:

Pertama, penentuan Ilahi mempunyai bahagiannya yang tertentu. Adalah perlu untuk memotong bahagian itu

daripada perkongsian takdir dan bertindak balas terhadapnya dengan reda dan berpuas hati.

Kedua, bahagian jiwa dan bisikan syaitan juga perlu dipisahkan, dan seseorang itu harus sayangkan lelaki itu kerana telah diatasi oleh jiwanya dan menanti taubatnya dan bukannya menjadi musuh dengannya.

Ketiga, lihat kecacatan dalam jiwa anda sendiri yang anda tidak nampak atau tidak mahu melihat; ambil kira untuk itu juga.

Bagi sebahagian kecil yang masih wujud, jika anda bertindak balas dengan pengampunan, maaf, dan keluhuran jiwa sehingga ia berupaya menakluki musuh anda dengan cepat dan selamat, maka anda telah dapat melepaskan diri anda dari segala dosa dan kemudaratannya. Tetapi jika, seperti seorang yang mabuk dan gila yang membeli serpihan kaca dan ketulan ais seolah-olah ianya adalah berlian, anda bertindak balas terhadap kejadian yang tidak bernilai, fana, sementara, dan perkara yang tidak penting di dunia ini dengan permusuhan yang ganas, kekal, dan berterusan, seolah-olah anda akan kekal di dunia dengan musuh anda untuk selama-lamanya, ia akan menjadi satu pelanggaran yang melampau, dosa, mabuk, dan gila.

Jika sebaliknya anda sayangkan diri anda sendiri, jangan benarkan permusuhan dan keinginan ini menjadi berbahaya untuk kehidupan peribadi anda, seterusnya memasuki hati anda. Jika ia telah memasuki hati anda, jangan mendengar apa yang dikatakannya. Dengarlah apa yang di katakan oleh Hafiz Shirazi melalui hakikat penglihatannya: “Dunia

bukanlah barang yang bernilai untuk bertengkar.” Ia tidak bernilai kerana ia adalah sementara dan fana. Jika inilah hakikat dunia, maka jelas betapa tidak bernilai dan tidak penting akan perkara-perkara kecil dunia ini! Hafiz juga berkata: “*Ketenangan kedua-dua alam terletak pada pemahaman kedua-dua perkataan ini: kemurahan hati terhadap rakan, serta bersikap bertolak ansur terhadap musuh.*”²¹

Jika anda berkata: “*Saya tidak mempunyai pilihan akan cara permusuhan yang terdapat dalam diri saya ini. Saya tidak boleh terlepas pandang mereka yang bermusuhan dengan saya.*”

Jawapannya: Jika watak jahat dan cara buruk tidak mempamerkan apa-apa kesan, dan anda tidak bertindak dengan niat menyakiti, maka tidaklah ada kemudaratan. Jika anda mengenali kelemahan anda dan memahami bahawa anda bersalah untuk mempunyai sifat sedemikian, ia akan menjadi satu bentuk taubat dan pengampunan untuk anda, dengan itu menjauhkan anda dari kesan-kesan jahatnya. Malah, kami telah menulis satu bahagian dalam kitab Maktubat ini untuk memungkinkan usaha untuk bertaubat memohon pengampunan, untuk membezakan perkara hak dari yang batil, dan untuk mengelakkan permusuhan daripada dipaparkan sebagai perkara yang hak.

Satu kes yang layak di ambil perhatian: Saya pernah melihat sekali, akibat daripada sikap partisan, seorang ulama dalam mengutuk seorang ulama lain di mana pendapat

21 {Diwan-i Hafiz, 14 (No Ghazal: 5)}

politiknya beliau tidak bersetuju dengan memberi pertunjuk bahawa ulama itu sebagai seorang kafir. Dalam masa yang sama beliau turut memuji seorang kafir yang berkongsi pendapat dengannya. Saya terkejut dengan keputusan jahat hasil penglibatan politik ini. Saya berkata: “Saya memohon berlindung dengan Allah daripada syaitan dan politik”, dan sejak dari itu saya telah menarik diri dari politik.

Aspek Kelima

Berkeras hati dan bersikap partisan sangat berbahaya dalam kehidupan sosial manusia.

Jika dikatakan: Ada hadis yang menyebut: “*Perbezaan pendapat di kalangan umatku adalah satu rahmat*²²”, oleh itu perbezaan pendapat menuntut kepada sikap partisan.

Sikap partisan juga menyelamatkan orang biasa yang ditindas dari penindas yang elit. Jika orang-orang elit sesebuah bandar atau kampung bergabung bersama, mereka akan dapat memusnahkan orang biasa yang lemah. Jika ada yang bersikap partisan, mereka yang ditindas mungkin mencari perlindungan dengan salah satu pihak dari kumpulan partisan dan dengan itu menyelamatkan diri.

Juga dari konfrontasi, pendapat dan percanggahan pandangan akan menjadikan kebenaran zahir dengan jelas sepenuhnya.

Jawapannya: Kepada bahagian pertama soalan, kami berkata: Perbezaannya dimaksudkan dalam Hadis adalah perbezaan positif. Iaitu setiap pihak berusaha untuk

²² al-'Ajluni, Kashf al-Khafa', i, 64; al-Manawi, Fayd al-Qadir, i, 210-1

mempromosi dan menyebarkan kepercayaan mereka sendiri; Ia tidak berusaha untuk meruntuhkan dan memusnahkan kepercayaan yang lain, tetapi untuk memperbaiki dan membuat reformasi ke atasnya. Perbezaan negatif ditolak oleh hadis, kerana ia bertujuan mewujudkan partisan dan permusuhan bagi kemusnahan bersama, dan mereka yang bertikam lidah tidak boleh bertindak positif.

Kepada kedua soalan, kita menjawab: Jika wujudnya partisan atas tujuan mencari kebenaran, ia boleh menjadi tempat perlindungan bagi mereka yang mencari kebenaran. Tetapi bagi partisan yang ada sekarang, yang berat sebelah dan mementingkan diri sendiri, ia hanya boleh menjadi tempat bernaung untuk mereka yang zalim dan menjadikannya tempat memperolehi sokongan.

Kerana jika syaitan datang kepada seorang lelaki yang terlibat dalam partisan yang berat sebelah, menggalakkan dia dalam idea-ideanya dan menyebelahinya, dia akan menyeru akan sokongan dan pujian pada syaitan. Tetapi jika pihak lawan disertai oleh seorang lelaki yang bersifat seperti malaikat, maka dia akan mengambil tindakan sehingga menghujaninya dengan kutukan – Ya Allah lindungi kita dari perkara sebegini!

Kepada bahagian ketiga soalan, kita berkata: Jika konfrontasi dalam pandangan berlaku atas nama keadilan dan demi kebenaran, maka keimbangan perbezaan hanya bermakna; Terdapat perpaduan dari sudut matlamat dan tujuan utamanya. Perbezaan pandangan seperti ini melahirkan kebenaran dan keadilan dalam semua aspek.

Tetapi apa yang muncul dari konfrontasi pandangan yang partisan dan berat sebelah, dan berlaku demi jiwa yang zalim, daripada nafsu amarah yang jahat, yang berdasarkan egotisme dan mencari kemasyhuran - apa yang muncul dari ini bukan kilatan kebenaran, tetapi api perbezaan. Perpaduan matlamat adalah perlu, tetapi menentang pandangan seperti ini tidak dapat mencari titik persamaan di mana-mana sahaja di bumi ini. Oleh kerana mereka tidak berbeza demi yang hak, mereka membiak dengan tidak ada batasnya, dan menimbulkan perbezaan yang tidak boleh dibawa berunding.

Ringkasnya: Jika seseorang itu tidak membuat peraturan yang dimuliakan, iaitu; “*Cinta demi Allah*, (Al-Qur'an, Ghafir: ayat 12, Al-Qasas: ayat 70, Al-An'am: ayat 57). *Tidak suka demi Allah, penghakiman demi Allah*²³” dengan berpandukan prinsip-prinsip ini sebagai panduan sikap dan tingkah laku seseorang, pertikaian dan permusuhan akan berhasil. Jika seseorang tidak berkata, “*Tidak suka demi Allah, menghukum demi Allah*” dan mengambil kira prinsip-prinsip tersebut, percubaan seseorang untuk melakukan keadilan akan mengakibatkan ketidakadilan.

Peristiwa dengan pengajaran penting: Sayyidina ‘Ali (R.A) pernah menjatuhkan seorang kafir ke tanah. Kemudian beliau menarik pedang untuk membunuhnya, orang kafir itu meludah di mukanya. Lantas, Sayyidina Ali (R.A) terus membebaskan si kafir itu tanpa membunuhnya.

Orang kafir itu berkata: “*Mengapa kamu tidak*

23 Bukhari, Iman. 1; Abu Dakwah, Sunna, 2; Musnad, v, 146 33

membunuhku?”

Dia menjawab: “Saya hendak membunuh kamu kerana Allah. Tetapi apabila anda meludah pada saya, lalu saya menjadi marah dan kesucian niat saya telah dilawan oleh kecenderungan jiwa nafsu saya. Atas sebab inilah saya membatalkan hasrat membunuh anda. Orang kafir itu menjawab: *“Jika agama kamu begitu murni dan tidak tercemar, ia mestilah agama yang benar.”²⁴*”

Satu peristiwa yang layak diberi perhatian: Apabila seorang hakim menunjukkan tanda-tanda kemarahan semasa memotong tangan seorang pencuri, ketika itu seorang pemerintah yang adil yang berpeluang memerhatikan dia memecatnya dari jawatannya. Kerana jika dia telah memotong tangan atas nama Syariah, jiwanya akan merasa kasihan belas ke atas mangsa; dia harus memotongnya dengan cara yang tidak mempunyai kemarahan dan belas kasihan. Oleh kerana kecenderungan jiwanya berkongsi dalam perbuatannya itu, beliau tidak melakukan perbuatan itu dengan keadilan.

Keadaan sosial yang dikesali dan penyakit yang besar yang menjelaskan kehidupan masyarakat, sesuai untuk ditangisi oleh jiwa keIslamam:

Untuk melupakan dan meninggalkan permusuhan dalaman apabila musuh-musuh asing muncul dan menyerang adalah keperluan terhadap tanggung jawab kebajikan sosial yang diiktiraf dan diperjuangkan walaupun oleh orang-orang yang paling primitif. Apa yang kemudiannya

24 (Shemseddin Sivasi, *Manaqib-i Chahar Yar-i Guzin*, 29)

merunsingkan, bagi mereka yang mendakwa berkhidmat kepada masyarakat Islam bahawa pada satu masa apabila musuh-musuh yang tidak terhingga ramainya mengambil kedudukan untuk menyerang, satu demi satu, mereka gagal melupakan permusuhan kecil mereka, dan sebaliknya menyediakan prasarana untuk serangan musuh? Ia adalah satu tindakan ganas yang memalukan, dan pengkhianatan yang dilakukan terhadap kehidupan sosial Islam.

Satu cerita yang mengejutkan: Terdapat dua kumpulan Hasanah, suku kaum nomad yang bermusuhan antara satu sama lain. Meskipun mungkin lebih dari lima puluh orang telah dibunuh pada kedua-dua belah, ketika suku lain seperti Sibgan atau Haydaran keluar melawan mereka, dua kelompok yang bermusuhan akan melupakan permusuhan mereka dan berjuang bersama-sama, bahu ke bahu, sehingga puak lawan telah dapat diusir, tanpa pernah sekali lagi mengungkit perbezaan dalaman mereka sebelumnya.

Wahai orang-orang yang beriman! Adakah anda tahu berapa banyak puak-puak musuh telah mengambil kedudukan untuk menyerang puak orang-orang iman? Terdapat lebih daripada seratus daripada mereka, seperti satu siri bulatan sepusat. Orang-orang yang beriman wajib mengambil kedudukan pertahanan, masing-masing menyokong yang lain dan memberinya bantuan. Adakah patut bagi ahli-ahli iman dengan sikap partisan yang berat sebelah dan permusuhan memudahkan serangan musuh dan menghempas membuka pintu untuk mereka menembusi wilayah orang Islam? Mungkin terdapat tujuh puluh kalangan puak musuh, termasuk yang sesat, ateis, dan orang

kafir, masing-masing berbahaya terhadap anda seperti keganasan dan penderitaan di dalam dunia ini, dan setiap daripada mereka bersikap dengan tamak, kemarahan dan kebencian terhadap anda. Senjata yang kukuh, perisai dan benteng anda terhadap mereka semua tidak lain hanyalah persaudaraan Islam.

Maka betapa bertentangan dengan roh dan kepentingan terhadap Islam untuk menggoncang kubu Islam atas sebab permusuhan kecil dan alasan-alasan lain! Ketahui akan perkara ini, dan sedarlah dengan kembali kepada kewarasan anda! Menurut Hadis Mulia Nabi (SAW), orang-orang yang menggerunkan seperti Sufyan dan Dajjal akan datang untuk memerintah ke atas mereka yang tidak berpegang kepada Allah pada akhir zaman, dan mengeksplorasi ketamakan, perbalahan dan kebencian di kalangan umat Islam dan manusia. Mereka hanya memerlukan kekuatan yang kecil untuk menjatuhkan kemanusiaan kepada anarki dan dunia Islam yang luas kepada perhamaan.

Wahai orang-orang yang beriman! Jika anda tidak mahu memasuki ke dalam keadaan perhamaan yang mengaibkan, kembalilah kepada kewarasan dan masuk serta berlindunglah di dalam kubu pertahanan: “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman adalah bersaudara*” (Al-Hujurat: ayat 10) untuk mempertahankan diri anda daripada penindas yang akan mengeksplorasi perbezaan anda! Jika tidak, anda tidak akan dapat melindungi nyawa anda atau mempertahankan hak anda. Adalah jelas bahawa jika kedua-dua juara gusti sedang bergusti antara satu sama lain, hanya seorang kanak-kanak boleh mengalahkan mereka.

Jika kedua-dua gunung seimbang dalam skala, walaupun batu kecil boleh mengganggu keseimbangan mereka dan menyebabkan satunya untuk naik dan yang satu lagi jatuh.

Oleh itu, wahai orang-orang iman! Kekuatan anda akan dikurangkan kepada ketiadaan akibat keghairahan dan sikap partisan berat sebelah anda, dan anda boleh dikalahkan oleh kuasa-kuasa yang hanya kecil. Jika anda mempunyai sebarang perasaan dalam perpaduan sosial anda, maka ambil lah prinsip yang disanjung dalam “*Orang-orang yang beriman bersama-sama seperti bangunan yang diasaskan dengan baik, satu bahagian menyokong yang lain*²⁵” sebagai panduan anda dalam kehidupan! Kemudian anda akan di jauhi dari penghinaan di dunia ini dan kecelakaan di akhirat kelak.

Aspek Keenam

Kehidupan kerohanian dan keabsahan ibadah anda akan menderita akibat permusuhan dan pergaduhan, kerana kesucian niat yang menjadi tunjang keselamatan akan rosak.

Bagi orang yang berat sebelah, dia akan menginginkan keunggulan dalam amal kebaikannya ke atas musuhnya yang dilakukannya dan tidak akan dapat bertindak semata-mata kerana Allah SWT. Dia juga akan lebih suka, dalam pertimbangan dan urusannya terhadap orang yang menyebelahinya; dia tidak akan dapat berlaku adil. Oleh itu kesucian niat dan keadilan yang menjadi asas segala amal perbuatan yang baik akan hilang atas sebab permusuhan

25 {Bukhari, Salat 88; Adab 36; Mazalim 5; Muslim, Birr 65; Tirmidhi, Birr 18; Nasa'i, Zakat 67; Musnad vi, 140, 405, 409.}

dan pertengangan.

Aspek Keenam sangat kompleks, tetapi kita akan memendekkannya kerana di sini bukanlah tempat untuk membesarinya.

